

Ruj. Kami: TNB/PER(SBM) 3/1/1

Tarikh : 5 Mei 2020

Semua Kontraktor Tenaga Nasional Berhad  
(u/p Pengarah Urusan Syarikat)

**STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) BAGI KERJA-KERJA PROJEK TNB SEMASA DAN SELEPAS TEMPOH PERLAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BERIKUTAN WABAK COVID-19**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

- Selaras dengan arahan daripada Kerajaan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia, adalah dimaklumkan bahawa TNB telah mengeluarkan satu *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi melaksanakan kerja-kerja projek TNB semasa dan selepas tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini. SOP ini perlu digunapakai sebagai langkah-langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di tapak projek dan merupakan panduan tambahan kepada SOP kerja sedia ada yang digunapakai di tapak projek.
- Bersama ini dimajukan SOP tersebut untuk makluman dan tindakan yang perlu diambil oleh semua syarikat kontraktor.

Bil	Standard Operating Procedure	Dikeluarkan oleh	Rujukan
i.	SOP Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (HSE) bagi kerja projek semasa dan selepas	Tenaga Nasional Berhad	Lampiran A
ii.	SOP Am dan garis panduan am kebenaran beroperasi serta pergerakan pekerja bagi projek pembinaan dalam tempoh PKP Fasa 1	Kementerian Kerjaraya/CIDB	Lampiran B
iii.	SOP Am dan garis panduan am kebenaran beroperasi serta pergerakan pekerja bagi projek pembinaan dalam tempoh PKP Fasa 4	Kementerian Kerjaraya/CIDB	Lampiran C

- Selain daripada SOP di atas, pihak kontraktor juga perlu mematuhi apa-apa SOP tambahan yang telah dan akan dikeluarkan oleh semua Busines Unit. Untuk makluman, Pihak Bisnes Unit (BU) dan Jabatan Health, Safety & Environment (HSE) akan membuat pemantauan pelaksanaan kerja di tapak dan akan mengeluarkan *Stop Work Order* sekiranya didapati berlaku ketidakpatuhan oleh syarikat kontraktor. Pihak syarikat kontraktor boleh dikenakan tindakan sekiranya terdapat ketidakpatuhan yang berlaku mengikut syarat yg ditetapkan.
- Selain daripada itu, pihak syarikat perlulah bertanggungjawab memastikan semua pekerja di bawah syarikat Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan mengisi borang-borang yang dinyatakan di dalam SOP yang disertakan di Lampiran A, di antaranya adalah Borang Pengisytiharan Perjalanan/Pemeriksaan Kesihatan bagi memulakan kerja (Lampiran 3) dan Borang Pemeriksaan Kesihatan Harian (Lampiran 4) bagi melancarkan pelaksanaan kerja kelak. Pihak syarikat perlu memajukan kedua-dua borang tersebut kepada Jurutera Projek di tapak atau Penyelia TNB yang berkaitan bagi tujuan pelaksanaan kerja di tapak.

6. Garispanduan (SOP) ini adalah terpakai untuk semua kontraktor yang melaksanakan semua projek di TNB. Dengan itu, pihak syarikat kontraktor adalah diwajibkan untuk mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.



**Amir Mahmud bin Abdullah**  
Ketua Pegawai Perolehan  
Tenaga Nasional Berhad

***"BETTER.BRIGHTER"***  
***"TNB MENGAMALKAN DASAR TIADA HADIAH"***

- s.k     President/Chief Executive Officer  
          Tenaga Nasional Berhad
  
- "        Chief Financial Officer  
          Tenaga Nasional Berhad
  
- "        Chief Strategy & Regulatory Officer  
          Tenaga Nasional Berhad
  
- "        Chief Ventures Officer  
          Tenaga Nasional Berhad
  
- "        Chief Generation Officer  
          Tenaga Nasional Berhad
  
- "        Chief Grid Officer  
          Tenaga Nasional Berhad
  
- "        Chief Distribution Network Officer  
          Tenaga Nasional Berhad
  
- "        Chief Retail Officer  
          Tenaga Nasional Berhad
  
- "        Chief People Officer  
          Tenaga Nasional Berhad
  
- "        Chief Corporate Officer  
          Tenaga Nasional Berhad
  
- "        Chief Information Officer  
          Tenaga Nasional Berhad
  
- "        Chief Global Business Solution  
          Tenaga Nasional Berhad
  
- "        Head (Health, Safety and Environment)  
          Tenaga Nasional Berhad

# **LAMPIRAN A**

## **STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) BAGI KERJA-KERJA PROJEK TNB SEMASA DAN SELEPAS TEMPOH PERLAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BERIKUTAN WABAK COVID-19**

### **1.0 Pendahuluan**

- 1.1 Pada 10 April 2020, pihak kerajaan telah memutuskan untuk melanjutkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan untuk tempoh dua minggu lagi, iaitu dari 15 April 2020 hingga 28 April 2020. Susulan daripada pengumuman itu, kerajaan juga telah mengambil keputusan untuk membenarkan beberapa sektor ekonomi tambahan beroperasi secara berfasa dengan garis panduan penjagaan kesihatan dan kawalan pergerakan yang ketat. Senarai sektor yang dibenarkan beroperasi seperti dalam **Lampiran 1**.
- 1.2 SOP ini dibangunkan sebagai panduan kepada Jabatan-jabatan di TNB yang akan terlibat dalam pelaksanaan kerja atau projek yang dibenarkan beroperasi semasa dan selepas tempoh pelaksanaan PKP berikutan wabak COVID-19.
- 1.3 SOP ini akan menerangkan langkah-langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di tapak projek dan merupakan panduan tambahan kepada SOP kerja sediaada yang digunapakai di tapak projek.
- 1.4 Pada setiap masa, ketetapan atau syarat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah mendahului SOP ini.
- 1.5 SOP ini dibangunkan berdasarkan *Hazard Identification, Risk Assessment & Determining Control* (HIRADC) seperti di **Lampiran 2**.

### **2.0 Akses Anggota Kerja TNB dan Pekerja Kontraktor TNB ke Tapak Projek**

- 2.1 Untuk memasuki kawasan tapak projek, setiap anggota kerja TNB perlu mematuhi perkara-perkara berikut:
  - a) Membawa Surat “Perlaksanaan Kerja Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan” yang ditandatangani oleh Ketua Bahagian/Ketua Jabatan/Pegawai yang dilantik.
  - b) Memakai jaket biru TNB.
  - c) Mempamerkan Pas Pekerja TNB.
  - d) Mengikut langkah keselamatan dan memakai Kelengkapan Perlindungan Diri (PPE) yang telah ditetapkan untuk kerja yang akan dijalankan.

- 2.2 Ketua Jabatan/Unit perlu mengeluarkan Surat Pengesahan Kontraktor Menjalankan Kerja Untuk TNB sebelum mendapatkan surat kelulusan yang diperakukan oleh Ibu Pejabat Polis Negeri (IPK) atau Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD). Pekerja kontraktor perlu memakai pakaian kerja yang sesuai dan PPE yang telah ditetapkan.
- 2.3 Sekiranya anggota kerja menghadapi sebarang kesulitan dengan pihak berkuasa untuk memasuki kawasan kerja, sila hubungi Pusat Kawalan Jabatan Perkhidmatan Keselamatan (JPK) di talian *Hotline* 24 jam seperti berikut:
  - a) 03-2296 6724
  - b) 03-2203 3670
  - c) 03-2203 3672

### **3.0 Keperluan Sebelum Memulakan Aktiviti Kerja di Tapak Projek**

- 3.1 Hanya projek/tapak kerja yang dibenarkan atau diluluskan oleh pihak berkuasa seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh beroperasi. Perkara ini juga hendaklah mengambilkira kebenaran atau kelulusan kepada kontraktor utama, sub-kontraktor, pembekal, konsultan, orang kompeten dan lain-lain yang berkaitan dengan projek tersebut.
- 3.2 Salinan surat kebenaran/kelulusan daripada pihak berkuasa berkaitan perlu dipamerkan di tapak projek dan diberikan salinan kepada semua penyelia projek TNB untuk rujukan dan tindakan selanjutnya.
- 3.3 Ketua Jabatan/Pengurus Projek TNB perlu memastikan semua syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dipatuhi sepenuhnya oleh pihak kontraktor sebelum membenarkan kerja-kerja dimulakan di tapak projek TNB.
- 3.4 Ketua Jabatan/Pengurus Projek TNB perlu memastikan kontraktor memajukan perancangan kerja yang menerangkan aktiviti-aktiviti kerja yang akan dijalankan sepanjang tempoh PKP berserta bilangan dan senarai maklumat pekerja yang terlibat.
- 3.5 Ketua Jabatan/Pengurus Projek TNB perlu meneliti rancangan kerja supaya aktiviti kerja dijalankan dengan bilangan pekerja yang minima di tapak projek dalam satu-satu masa. Pekerja yang tidak disenaraikan dalam kelulusan MITI adalah tidak dibenarkan bekerja di tapak projek TNB.
- 3.6 Semua pekerja/pegawai penguatkuasa yang memasuki tapak projek perlu mengisytiharkan rekod perjalanan serta kondisi kesihatan mereka dengan menggunakan Borang Pengisytiharan Perjalanan / Pemeriksaan Kesihatan seperti di **Lampiran 3**.
- 3.7 Selain itu, pada setiap hari, Penyelia Projek TNB perlu memastikan pihak kontraktor melaksanakan pemeriksaan suhu badan dan gejala COVID-19 kepada semua

pekerja/pegawai penguatkuasa yang ingin memasuki tapak projek dan direkodkan dalam Borang Pemeriksaan Kesihatan Harian seperti **Lampiran 4**.

- 3.8 Jika terdapat pekerja yang mengalami sebarang gejala COVID-19 semasa pemeriksaan kesihatan harian, pekerja tersebut tidak dibenarkan bekerja dan perlu meninggalkan tapak projek serta mendapat rawatan doktor dengan segera. Pekerja tersebut tidak dibenarkan hadir ke tapak projek sehingga sembuh semula. Pihak kontraktor perlu memantau keadaan kesihatan pekerja tersebut setiap hari dan melaporkan kepada Penyelia Projek TNB.
- 3.9 Pihak pengurusan kontraktor perlu menyediakan:
- 3-ply surgical mask*
  - Alat saringan suhu badan
  - Sabun dan air bersih atau *hand sanitizer* bagi tujuan membersihkan tangan
  - PPE atau peralatan lain yang diarahkan oleh pihak berkuasa
- 3.10 Pihak TNB dan kontraktor perlu menyusun atur semula pejabat tapak, tempat rehat, surau dan sebagainya di tapak bagi memastikan penjarakkan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter dapat dilaksanakan.
- 3.11 Semua pekerja perlu membersihkan tangan menggunakan sabun/*hand sanitizer* sebaik sahaja memasuki tapak kerja dan sebelum memulakan kerja.
- 3.12 Bahagian kenderaan, jentera dan peralatan kerja yang dikongsi dan kerap disentuh atau yang pertama kali dibawa masuk ke tapak kerja dari luar perlu menjalani proses disinfeksi, setakat yang praktik. Panduan langkah disinfeksi kenderaan dan peralatan kerja seperti di **Lampiran 5**.
- 3.13 Penyelia projek TNB perlu sentiasa memberi maklumat terkini dan kesedaran berkaitan langkah-langkah pencegahan wabak COVID-19 kepada semua pekerja di tapak secara berkala melalui *toolbox talk*, *poster*, *bulletin* dan medium komunikasi lain yang dikenalpasti.
- 3.14 Poster/*Signage* berkenaan dengan informasi COVID-19 serta langkah-langkah pencegahan COVID-19 hendaklah dipamerkan di pintu masuk utama serta ruangan umum di tapak kerja seperti tempat rehat dan tempat makan. Contoh poster/*signage* adalah seperti di **Lampiran 6**.

#### **4.0 Keperluan Semasa Menjalankan Aktiviti Kerja**

- 4.1 Hanya individu yang berkaitan dengan aktiviti kerja seperti anggota kerja TNB, kontraktor, pembekal dan pihak berkuasa sahaja dibenarkan memasuki tapak kerja.
- 4.2 Semua pekerja di tapak kerja perlu memakai *3-ply surgical mask* pada setiap masa. Kaedah pemakaian *3-ply surgical mask* adalah seperti di **Lampiran 7**.

- 4.3 Semua pekerja di tapak projek perlu sentiasa mengamalkan penjarakkan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter. Pekerja perlu kerap membersihkan tangan menggunakan air dan sabun/*hand sanitizer* sebelum memulakan kerja dan sesudah selesai kerja di tapak. Pastikan tidak menyentuh mulut, mata dan hidung sebelum membersihkan tangan.
- 4.4 Jika terdapat aktiviti kerja yang dijalankan tidak dapat mempraktikkan penjarakkan sosial kurang dari satu (1) meter seperti bekerja di dalam panel kawalan atau dalam ruang terkurung dan sebagainya, pihak pengurusan tapak projek perlu mengamalkan langkah-langkah berikut:
- a) Menangguhkan kerja-kerja tersebut sekiranya boleh, atau
  - b) Meminimalkan durasi aktiviti kerja tersebut
  - c) Meminimalkan bilangan pekerja yang terlibat dengan aktiviti tersebut.
- 4.5 Pekerja perlu menukar *3-ply surgical mask* apabila didapati telah basah, koyak atau kotor dan terus dilupuskan ke dalam tong sampah tertutup (tong sampah sisa domestik).
- 4.6 Perjumpaan/lawatan tapak atau mesyuarat secara berkumpulan di tapak projek harus dielakkan. Mesyuarat boleh dijalankan secara maya atau atas talian. Sekiranya perlu bermesyuarat di tapak, pastikan amalan penjarakkan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter semasa mesyuarat/lawatan tapak berlangsung dan langkah pencegahan seperti membersihkan tangan dengan sabun/*hand sanitizer* dipraktikkan.
- 4.7 Pihak kontraktor perlu melaksanakan waktu rehat dan makan secara bergilir (*staggered*) bagi mengelakkan pekerja berkumpul dalam satu-satu masa. Selain itu, makanan dan minuman yang disediakan atau dibeli dari kedai di luar tapak projek hendaklah dalam bentuk berbungkus. Hidangan secara *buffet* atau kongsi makanan bersama adalah tidak dibenarkan.
- 4.8 Pihak kontraktor perlu memastikan prosidur kerja dan peraturan berkaitan keselamatan, kesihatan & alam sekitar sediaada dipatuhi oleh semua pekerja dan pihak terlibat dengan aktiviti kerja di tapak projek.
- 4.9 Pihak kontraktor juga perlu memastikan pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan garis panduan oleh lain-lain agensi penguatkuasaan yang berkaitan dari semasa ke semasa.
- 5.0 Keperluan Selepas Selesai Aktiviti Kerja**
- 5.1 *3-ply surgical mask* yang telah diguna perlu dilupuskan ke dalam tong sampah tertutup (tong sampah sisa domestik).
- 5.2 Langkah disinfeksi dilaksanakan di tempat yang kerap disentuh, dalam kenderaan dan peralatan kerja yang dikongsi. Panduan langkah disinfeksi kenderaan dan peralatan kerja adalah seperti di **Lampiran 5**.

5.3 Semua pekerja disarankan untuk membasuh tangan dan membersihkan diri sebelum bertemu dengan ahli keluarga/rakan serumah. Langkah-langkah tersebut adalah seperti di **Lampiran 8** – Tindakan pencegahan COVID-19 selepas selesai bekerja.

## 6.0 Langkah Tindakan Kecemasan

6.1 Jika terdapat pekerja tapak projek yang disahkan positif COVID-19 oleh KKM, Ketua Jabatan/Pengurus Projek TNB perlu memaklumkan kepada Jabatan Healthcare TNB dengan kadar segera di talian **1300-80-5656** dan mematuhi arahan selanjutnya daripada KKM.

6.2 Kerjasama sepenuhnya perlu diberikan kepada pegawai Jabatan *Healthcare* TNB serta pihak KKM untuk *contact tracing*, perintah kuarantin dan sebagainya.

### Rujukan:

1. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
3. Majlis Keselamatan Negara (MKN)

### Disediakan oleh:

Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar, TNB

Tarikh dikeluarkan : 16 April 2020

Edisi : 1/2020

## LAMPIRAN 1



### SIARAN MEDIA

#### **KEBENARAN BEROPERASI DIBERI KEPADA SEKTOR TAMBAHAN BAGI MELINDUNGI EKONOMI NEGARA PASCA COVID-19**

---

Kerajaan senantiasa mengambil tanggungjawab dalam usaha menangani penularan wabak COVID-19 demi menjamin kesihatan dan keselamatan rakyat.

Kerajaan juga mengambil langkah pro-aktif dan responsif dalam mengimbangi kelangsungan ekonomi negara dan keberkesanan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan membenarkan sektor-sektor ekonomi yang kritikal termasuk sektor perubatan dan keperluan asas untuk beroperasi semenjak 18 Mac 2020 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Langkah ini adalah untuk menjamin kelangsungan ekonomi negara, mengelakkan kehilangan pekerjaan yang tinggi di kalangan rakyat Malaysia selain memastikan rakyat terus mendapat akses kepada keperluan asas dan produk kritikal sepanjang tempoh PKP.

Susulan daripada keputusan Kerajaan membenarkan beberapa sektor pembuatan dan perkhidmatan kritikal beroperasi semasa peringkat PKP yang pertama, Kerajaan mendapati tahap pematuhan operasi oleh syarikat-syarikat yang diluluskan adalah baik.



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Kerajaan terus mempergiatkan lagi pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pematuhan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memastikan langkah-langkah saringan kesihatan dilaksanakan demi keselamatan pekerja dan pelanggan.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah mengadakan sesi libat urus bersama persatuan industri, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), serta Kementerian dan agensi lain yang berkaitan, termasuk KKM dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengenalpasti dan memperhalusi sektor-sektor ekonomi tambahan yang boleh dibenarkan beroperasi.

Langkah ini adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet Membendung Impak COVID-19 Ke Atas Ekonomi dan Pasaran Buruh. Jawatankuasa Khas Kabinet ini telah membentangkan beberapa cadangan kepada Jemaah Menteri pada 6 dan 8 April 2020 hasil dari pembentangan oleh MITI, Kementerian Kewangan, Khazanah Nasional Berhad dan Bank Negara.

Jemaah Menteri telah mengambil keputusan untuk membenarkan beberapa sektor ekonomi tambahan beroperasi secara berfasa dengan garis panduan penjagaan kesihatan dan kawalan pergerakan yang ketat.

Keputusan Kerajaan ini adalah hasil kaji selidik yang mendapati bahawa penularan COVID-19 bukan sahaja memberi kesan yang besar ke atas kesihatan, tetapi juga akan membawa mudarat kepada prestasi kewangan, ekonomi dan kesejahteraan rakyat khususnya industri PKS sebagai penyumbang tenaga kerja terbesar di Malaysia.

MITI telah memperhalusi sektor-sektor tambahan yang dibenarkan beroperasi berdasarkan pertimbangan-pertimbangan berikut:



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

- tahap kepentingannya di dalam rantaian bekalan global (*global value chain* atau *GVC*) dan eksport negara. Langkah ini adalah untuk menjamin kestabilan aktiviti eksport;
- aktiviti ekonomi sektor yang mempunyai gandaan nilai tambah (*value-added multiplier*) yang tinggi;
- impak ke atas kelangsungan PKS dalam sektor ekonomi khususnya pembuatan dan perkhidmatan; dan
- jumlah tenaga kerja yang terlibat.

MITI telah menyediakan perincian sektor tambahan yang dibenarkan beroperasi seperti **Lampiran 1**. Berikutan keputusan ini, syarikat-syarikat di dalam sektor-sektor tambahan yang disenaraikan boleh membuat permohonan beroperasi kepada MITI bermula hari **Isnin, 13 April 2020, dari jam 9.00 pagi**. Semua permohonan mestilah dibuat secara atas talian di laman sesawang MITI, **[www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my)**. Hanya permohonan yang **menepati syarat dan lengkap** sahaja akan diproses.

Pihak syarikat di dalam sektor-sektor yang dibenarkan beroperasi **WAJIB** mematuhi syarat-syarat *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan. Selain pematuhan kepada syarat-syarat dan garis panduan yang diperketatkan ini, kebenaran beroperasi juga tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan oleh KKM dan garis panduan oleh lain-lain agensi penguatkuasaan yang berkaitan dari semasa ke semasa. Kegagalan syarikat untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan kebenaran beroperasi dibatalkan serta-merta dan berdepan dengan tindakan undang-undang mengikut Akta semasa.

**Dato' Seri Mohamed Azmin Ali**

**Menteri Kanan**

**Menteri Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI)**

**Jumaat, 10 April 2020**

**LAMPIRAN I**  
**Senarai Sektor**

- Industri Automotif  
(terhad kepada eksport unit siap pasang sepenuhnya – CBU, peralatan dan komponen, serta perkhidmatan selepas jualan contohnya penyelenggaraan).
- Industri Mesin dan peralatan
- Industri Aeroangkasa
- Projek-projek pembinaan dan perkhidmatan berkaitan pembinaan
  - (i) Projek di mana Kontraktor G1–G2 sebagai kontraktor utama
  - (ii) Projek yang telah disahkan mencapai kemajuan fizikal 90% ke atas
  - (iii) Kerja-kerja terowong
  - (iv) Kerja-kerja penyelenggaraan
  - (v) Kerja-kerja cerun
  - (vi) Kerja-kerja kecemasan yang termaktub dalam perjanjian kontrak
  - (vii) Kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan pengeringan air bertakung, penyemburan racun serangga di tapak bina bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes dan lain-lain haiwan perosak
  - (viii) Kerja-kerja lain yang jika tidak disempurnakan boleh mendatangkan bahaya
  - (ix) Projek bangunan dengan 70 IBS score ke atas
  - (x) Projek pembinaan dengan fasiliti/ kemudahan tempat tinggal untuk pekerja seperti Kwarters Pekerja Berpusat atau kem pekerja
  - (xi) Perkhidmatan profesional yang terlibat dalam industri pembinaan termasuk arkitek, jurutera perancang bandar, juru-ukur tanah, juru ukur bahan, pengurus projek, pengurus fasiliti dan lain-lain berkaitan.



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

- Perkhidmatan sains, profesional dan teknikal termasuk penyelidikan dan pembangunan (*R&D*)
  - (hanya terhad kepada: perkhidmatan berkaitan guaman; perkhidmatan berkaitan minyak & gas; aktiviti-aktiviti R&D berkaitan COVID19; makmal-makmal ujian bagi sektor-sektor yang dibenarkan beroperasi sahaja.
- Perkhidmatan kesihatan sosial termasuk perubatan tradisional yang berdaftar (hanya terhad kepada registered Traditional and Complementary Medicine or TCM practitioners)
- Perkhidmatan kedai hardware, kedai barangan elektrik dan elektronik dan kedai cermin mata sahaja dalam pemborongan dan peruncitan.
- Perkhidmatan gunting rambut asas (gunting sahaja).
- Perkhidmatan dobi (full service dan bukan layan diri)

STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) BAGI KERJA-KERJA PROJEK TNB SEMASA DAN SELEPAS TEMPOH PERLAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BERIKUTAN WABAK COVID-19



Lampiran 2 : Borang HIRADC - Aktiviti Kerja Projek TNB Semasa Dan Selepas Tempoh Pelaksanaan PKP Berikutan Wabak COVID-19

<b>Job Title :</b>	Aktiviti kerja pembinaan semasa dan selepas tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)	<b>Prepared by :</b>	HSE Department	<b>Assessment No</b>	1
<b>Section :</b>	Projek / Pembangunan Asset	<b>Verified by :</b>	BCM/ HSE	<b>Revision No :</b>	1
			<b>Date :</b>	16.4.2020	

Definition of Hazard:  
Source, situation or act with a **POTENTIAL** for injury or ill health, or combination of these.

S	6	10
L	4	8
E	3	6
R	2	4
I	1	2
TY	1	1

1	2	3	4	6
LIKELIHOOD				

Activities	R/NR*	HAZARD IDENTIFICATION		RISK ASSESSMENT		DETERMINING CONTROL		PIC (Due Date)/Status		
		Hazard	Consequences	Current Risk Ctrl	L/Hood	Severity	R/Level		Type of Ctrl	Futher Action / Ctrl
Menjalankan aktiviti kerja di tapak projek TNB semasa dan selepas tempoh pelaksanaan PKP	R	Berinteraksi dengan pekerja yang bergejala COVID atau tersentuh permukaan yang tercemar dengan Virus Covid 19	Kena Jangkitan COVID	Melaksanakan pemeriksaan suhu badan dan gejala covid untuk pekerja sebelum masuk ke tapak projek	3	4	12	Administrative	Membangunkan Standard Operating Procedure (SOP) menjalakan aktiviti projek TNB semasa dan selepas tempoh pelaksanaan PKP yang merangkumi langkah-langkah pencegahan COVID-19	Jabatan HSE / Ketua Jabatan (12 April 20) / Done
				Admin				Penggunaan Borang <i>Health Declaration</i> untuk setiap orang yang akan memasuki ke tapak projek		
				Kawalan Kejuruteraan				Membersihkan diri dan disinfeksi kenderaan dan peralatan kerja setelah selesai kerja-kerja di tapak		
				Admin				Waktu makan/rehat bergilir-gilir		
				Mengamalkan penjarakkan sosial (social distancing) sekurang-kurangnya 1 meter				Pengasingan	Menyusun atur pejabat tapak dan semua fasiliti tapak supaya <i>social distancing</i> dapat dipraktikkan	



### LAMPIRAN 3

#### Borang Pengisytiharan Perjalanan / Pemeriksaan Kesehatan untuk Anggota Kerja / Kontraktor

Tuan/Puan,

Untuk mengelakkan penyebaran *Corona Virus Disease* (COVID-19) dalam tempat kerja dan mengurangkan risiko pendedahan kepada anggota kerja dan pekerja kontraktor yang akan bekerja di tapak projek, kami perlu menjalankan soal selidik yang ringkas. Kerjasama anda adalah penting untuk membantu kami mengambil langkah berjaga-jaga untuk melindungi anda dan semua orang yang terlibat dengan kerja tersebut. Terima kasih atas kerjasama anda.

Nama:	No. telefon peribadi:
No. KP/Passport:	Warganegara (untuk warga asing sahaja):
Lokasi Kerja / Kawasan Kerja untuk dilawati:	<input type="checkbox"/> Anggota kerja TNB <input type="checkbox"/> Pekerja Kontraktor
Bacaan suhu badan:	Direkodkan oleh anggota kerja (nama):

#### Pengisytiharan

1.	Pernahkah anda melawat atau balik dari luar negara dalam tempoh 14 hari lalu?  <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Ya  Jika ya, sila nyatakan negara tersebut: .....
2.	Adakah anda telah dikenalpasti sebagai kontak rapat ( <i>close contact</i> ) dengan sesiapa yang telah disahkan positif COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), di bawah Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak Jangkitan COVID-19 oleh KKM atau pernah menghadiri majlis yang berkaitan dengan wabak COVID-19 dalam tempoh 14 hari yang lepas?  <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/> Ya
3.	Sila tandakan sekiranya anda mengalami gejala-gejala di bawah:  <input type="checkbox"/> Demam <input type="checkbox"/> Batuk <input type="checkbox"/> Sesak Nafas <input type="checkbox"/> Sakit tekak  <input type="checkbox"/> Tiada gejala

\* Sekiranya jawapan untuk soalan (1) atau (2) adalah "Ya" atau mempunyai sebarang gejala (soalan 3), anda tidak dibenarkan untuk bekerja di tapak projek.

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa maklumat di atas adalah benar dan betul.

.....

Tandatangan

Tarikh:

**Nota : Suhu badan yang melebihi 37.5 darjah celsius atau mengalami sebarang gejala seperti diatas tidak dibenarkan masuk ke tapak projek.**

**LAMPIRAN 4**

**Borang Pemeriksaan Kesihatan Harian untuk Anggota Kerja TNB / Kontraktor di Tapak Projek**

Tarikh	:	
Projek / Tapak Kerja	:	
Nama Kontraktor	:	
Aktiviti Tapak	:	

Bil	Nama	No.Kad Pengenalan /No. Passport	Suhu Badan	Sila tandakan v jika mengalami gejala seperti dibawah:				Tiada Gejala
				Demam	Batuk	Sesak Nafas	Sakit tekak	
1.								
2.								
3.								
4.								
5.								
6.								
7.								

**Nota : Suhu badan yang melebihi 37.5 darjah celsius atau mengalami sebarang gejala seperti diatas tidak dibenarkan masuk ke tapak projek.**

Disemak oleh,

-----

Nama :

Jawatan :

LAMPIRAN 5

# CEGAH PANDUAN DISINFEKSI

COVID-19

BAGI MENCEGAH COVID-19



Panduan ini boleh digunakan untuk anggota kerja membuat disinfeksi bagi memastikan tempat kerja anda bersih dan bebas kuman dengan mengelap permukaan serta alatan yang kerap disentuh dengan bahan disinfeksi.

	Di Pejabat	Dalam Kenderaan TNB
Permukaan dan Alatan yang Kerap Disentuh	 <p>Tombol pintu, Suis Lampu, Rail Tangga, Butang Lif, Kaunter Perkhidmatan</p>  <p>Keyboard komputer, Mesin fotostat, Telefon, Kepala Paip, Pemegang flush tandas</p>	 <p>Steering, Gear, Button Radio</p>  <p>Dashboard, Handle Pembuka Pintu, Button/ Handle Pembuka Tingkap</p>

## Tindakan Sebelum Disinfeksi

- ▶ Cuci tangan dengan air dan sabun sebelum dan selepas disinfeksi.
- ▶ Sekiranya permukaan kotor, bersihkan dengan sabun/detergen dan air terlebih dahulu.
- ▶ Sewaktu membancuh cecair disinfeksi, **jauhkan dari hidung/terhidu**.
- ▶ Pastikan **pengudaraan yang mencukupi**.
- ▶ Sediakan;

### PERALATAN PEMBERSIH

- Kain lap
- Baldi
- Tisu
- Botol spray
- 'Disinfectant wipes' berasaskan alkohol

### CECAIR DISINFEKSI

- Cecair Peluntur
- 70% Isopropyl Alcohol

### KELENGKAPAN PERLINDUNGAN DIRI (PPE)

- Sarung tangan getah
- Pelindung mata (goggles)

## Cecair Disinfeksi



### 1) MENGGUNAKAN CECAIR PELUNTUR

- ▶ Cecair Peluntur
  - a. Sekurang-kurangnya 5% kepekatan *Sodium Hypochlorite*
  - b. Periksa label, guna ikut arahan dan peka pada hazard berkaitan
  - c. Elakkan terkena mata dan kulit serta jauhkan dari hidung/terhidu
  - d. **Pakai PPE-sarung tangan getah dan pelindung mata(goggles)**
  - e. Pastikan tidak tamat tarikh luput.
- ▶ Campuran Sukatan
  - a. 1 bahagian cecair peluntur ; dan
  - b. 49 bahagian air paip

Contoh 5ml cecair peluntur dengan 250ml air paip
- ▶ Cecair Disinfeksi
  - a. Guna sekali sahaja bagi setiap bancuhan.
  - b. Tidak menambah bahan lain bagi elak tindak balas yang tidak diinginkan.

### 2) MENGGUNAKAN 70% ISOPROPYL ALCOHOL

- ▶ Untuk cecair disinfeksi 70% Isopropyl Alcohol, cecair ini boleh digunakan terus dan tidak perlu dibancuh/dicairkan.

# CEGAH COVID-19

## PANDUAN DISINFEKSI

### BAGI MENCEGAH COVID-19



(sambungan muka surat 1)

	Di Pejabat	Dalam Kenderaan TNB
<b>Kekerapan</b>	▶ Sekurang-kurangnya 2 kali sehari.	▶ Setiap kali sebelum dan selepas menggunakan kenderaan
<b>Pemakaian PPE</b>	 <p>▶ Pakai pelindung mata (goggles) dan sarung tangan getah sewaktu penyediaan cecair disinfeksi berasaskan cecair peluntur.</p> <p>Sarung tangan perlu dipakai sewaktu kerja-kerja disinfeksi ▶</p>	
<b>Kaedah Disinfeksi</b>	<p>①  Lap permukaan yang kerap disentuh menggunakan kain yang telah direndam dan dibilas dengan cecair disinfeksi berasaskan cecair peluntur, <b>ATAU</b></p> <p>③  Tuang sedikit cecair 70% <i>isopropyl alcohol</i> pada kain atau tisu dan lap permukaan yang kerap disentuh, <b>ATAU</b></p>	<p>②  Isikan botol spray dengan 250ml air paip dan tambahkan 5ml cecair peluntur. Spray pada kain atau tisu dan lap permukaan yang kerap disentuh, <b>ATAU</b></p> <p>④  Lap menggunakan 'disinfectant wipes' terutamanya peralatan elektronik seperti keyboard computer, mesin fotostat, suis lampu dan lain-lain.</p>

Rujukan : Kementerian Kesihatan Malaysia

Center for Disease Control and Prevention (CDC).


LAMPIRAN 6

 **Dari Bilik Gerakan Sumber Manusia**  
31 Mac 2020 | Edaran Dalam Sahaja

# CEGAH COVID-19

## 6 LANGKAH CUCI TANGAN

- Tempoh prosedur hanya mengambil masa 20-30 saat -

-  **1** Tuang air & sabun/hand sanitizer ke tapak tangan kiri, ratakan dengan jari tangan kanan, kemudian lakukan sebaliknya.
-  **2** Gosok kedua-dua tapak tangan.
-  **3** Gosok belakang tangan dan celah jari.
-  **4** Cuci setiap jari.
-  **5** Gosok belakang jari kanan ke tapak tangan kiri. Ulang untuk kedua-dua tangan.
-  **6** Gosok ibu jari tangan kiri dalam gengaman tangan kanan dan gerakan memutar, dan lakukan untuk ibu jari sebaliknya.

 **- PENTING -**  
Gunakan hand sanitizer apabila tidak ada air dan sabun.

#cegahcovid19

Jabatan Health, Safety & Environment (HSE), TNB

3

LAMPIRAN 6

 **Dari Bilik Gerakan Sumber Manusia**  
29 Mac 2020 | Edaran Dalam Sahaja

# CEGAH COVID-19

## CARA PEMAKAIAN SURGICAL/3 PLY MASK DENGAN BETUL

- 

1

Pakai bahagian berwarna menghadap depan/luar dan bahagian putih di sebelah dalam
- 

2

Tutup keseluruhan hidung, mulut dan dagu
- 

3

Ikut/sarung tali di belakang kepala/pada telinga
- 

4

Menggunakan kedua-dua belah tangan, bentukkan kepingan logam mengikut bentuk hidung

#cegahcovid19

Jabatan Health, Safety & Environment (HSE), TNB

LAMPIRAN 6



# CEGAH COVID-19

## JANGAN BERSALAMAN



ELAKKAN BERSALAMAN  
ATAU BERSENTUHAN

#socialdistancing  
#staysafe

## LETAK TANGAN DI DADA



LETAKKAN TANGAN DI DADA TANDA  
HORMAT BAGI MENGGANTIKAN  
BERSALAMAN DAN BERSENTUHAN

LAMPIRAN 6



# CEGAH COVID-19

## JARAK SOSIAL

Jarakkan diri anda sekurang-kurangnya  
SATU METER WALAU DI MANA PUN  
ANDA BERADA.



**1 METER**



### KENAPA 1 METER ?

Ini kerana virus akan tersebar melalui percikan titisan yang jatuh  
dalam jarak 1 meter daripada kedudukan orang yang  
bersin atau batuk.

#socialdistancing  
#stayhome

## LAMPIRAN 7

### KAEDAH MEMAKAI DAN MENANGGALKAN 3-PLY SURGICAL MASK DAN N95 MASK

#### JENIS PPE YANG DIPERLUKAN:

Jenis PPE		Gambar
Penutup mulut dan hidung (Face mask)	3-ply Surgical Mask <b>ATAU</b>	
	N95 Mask	

#### LANGKAH MEMAKAI PPE (COVID-19)

<p><b>Pakai 3-ply surgical mask</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakai bahagian <i>mask</i> berwarna menghadap luar dan bahagian putih di sebelah dalam</li> <li>• Ikat tali dibelakang kepala atau sarungkan gelung pada telinga</li> <li>• Gunakan kedua-dua belah tangan untuk membentuk kepingan logam mengikut bentuk hidung anda.</li> <li>• <i>Pastikan Mask</i> menutup keseluruhan dagu, mulut dan hidung dengan kemas.</li> </ul> <p><b>ATAU</b></p>	
--	--

**Pakai N95 mask**

- Letakkan *mask* pada dagu, pipi dan hidung dengan rapat
- Regangkan tali getah bawah dan tarik ke bahagian bawah telinga
- Regangkan tali getah atas dan tarik ke belakang kepala
- Gunakan kedua-dua belah tangan untuk membentuk bahagian boleh bentuk supaya rapat pada hidung anda
- *Pastikan Mask* menutup keseluruhan mulut dan hidung dengan kemas.



**LANGKAH MENANGGALKAN PPE (COVID-19)**

**Tanggalkan 3 ply surgical mask**

- Jangan sentuh bahagian hadapan 3 ply *mask*.
- Pegang tali untuk menanggalkan *mask* samada membuka ikatan tali atau keluarkan gelung dari telinga
- Masukkan 3 ply *surgical mask* dalam beg plastik untuk pelupusan

**ATAU**

**Tanggalkan N95 Mask**

- Jangan sentuh bahagian hadapan N95 *mask*
- Tanggalkan tali getah N95 bermula dengan tali bawah di bahagian bawah telinga diikuti dengan tali atas di belakang kepala.
- Tanggalkan *mask* daripada bahagian belakang dengan gerakan ke arah depan
- Masukkan N95 *Mask* dalam beg plastik untuk pelupusan



**Rujukan:**

World Health Organisation (WHO): How to put on and take off Personal Protective Equipment (PPE)

LAMPIRAN 8

 **Dari Bilik Gerakan Sumber Manusia**  
31 Mac 2020 | Edaran Dalam Sahaja

## TINDAKAN PENCEGAHAN SELEPAS BEKERJA

 <p>Tidak menyentuh mata, hidung dan mulut dengan tangan yang tidak dicuci</p>	 <p>Membasuh tangan menggunakan sabun untuk sekurang-kurangnya 20 saat setelah habis kerja</p>
 <p>Menggunakan <i>hand sanitizer</i> sekiranya tiada punca air dan sabun</p>	 <p>Semasa pulang ke rumah, buka pakaian dan rendam ke dalam air sabun</p>
   <p>Bersihkan tangan, muka dan mandi <b>SEBELUM</b> bertemu ahli keluarga</p>	

# **LAMPIRAN B**

**PROSEDUR OPERASI STANDARD AM  
DAN  
GARIS PANDUAN AM KEBENARAN  
BEROPERASI SERTA PERGERAKAN  
PEKERJA BAGI PROJEK PEMBINAAN  
DALAM TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
(DOKUMEN 1)**



**2020**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA /  
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN  
MALAYSIA (CIDB)**

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)  
KEBENARAN BEROPERASI SERTA PERGERAKAN PEKERJA BAGI PROJEK  
PEMBINAAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

---

**ISI KANDUNGAN**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Pengenalan	2
2.	Amalan yang Perlu dipatuhi	2
3.	Permohonan	5
4.	Jenis Projek yang dibenarkan	6
5.	Dokumen yang diperlukan	6
6.	Pelaksanaan dan Pematuhan	8
7.	Penguatkuasaan	10

## 1. PENGENALAN

- 1.1. Prosedur Operasi Standard (SOP) ini disediakan selaras dengan keputusan Kerajaan untuk membenarkan kerja-kerja pembinaan diteruskan semasa PKP.
- 1.2. SOP ini juga bertujuan untuk memperincikan proses permohonan untuk syarikat mendapatkan kebenaran menjalankan kerja pembinaan semasa PKP.
- 1.3. Pematuhan SOP ini perlu mengambil kira SOP lain yang dikeluarkan oleh Kementerian atau Agensi lain yang bertanggungjawab dalam rantaian bekalan (*Supply chain*) industri pembinaan. Rantaian bekalan ini meliputi pengeluaran bahan, pengedar bahan binaan, pengusaha kuari serta pembekal jentera dan peralatan termasuklah perkhidmatan logistik dan perkhidmatan perundingan.
- 1.4. Kerja pembinaan boleh dihentikan serta merta dan tindakan termasuk tindakan tatatertib di bawah CIDB boleh diambil terhadap syarikat sekiranya syarikat gagal mematuhi SOP yang ditetapkan.

## 2. AMALAN YANG PERLU DIPATUHI

- 2.1. Surat Kebenaran Beroperasi hendaklah dipamerkan dengan jelas di tapak bina/ premis. Kebenaran beroperasi adalah mengikut zon yang telah ditetapkan oleh MKN dan tertakluk kepada peraturan-peraturan semasa yang dikeluarkan oleh MKN
- 2.2. Kontraktor/ Syarikat hendaklah mematuhi *Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 di Tapak Bina* yang dikeluarkan oleh CIDB serta Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian atau Agensi berkaitan.

- 2.3. Kontraktor/ Syarikat hendaklah menyediakan alat saringan suhu badan atau thermal scanner serta saringan gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas. Pengukuran suhu badan dan saringan gejala perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk kilang/ premis. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan perlu memastikan anggota yang dilatih melakukan pengukuran suhu dan saringan pekerja. Bacaan bagi setiap pekerja hendaklah direkod dan disimpan untuk tempoh sekurang-kurangnya 3 bulan untuk rujukan.
- 2.4. Sekiranya bacaan suhu badan ialah 37.5° Celcius atau lebih, atau mempunyai gejala, pekerja tidak dibenarkan memasuki premis dan perlu merujuk pekerja tersebut (dengan pekerja memakai *mask*) ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan.
- 2.5. Waktu tapak bina/ premis beroperasi adalah bermula dari jam 8.00 pagi sehingga 5.30 petang, 5 hari seminggu dan tiada kerja lebih masa dibenarkan.

Nota:

- a) Hari Bekerja Isnin – Jumaat adalah bagi Wilayah Persekutuan, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sabah dan Sarawak.
  - b) Hari Bekerja Ahad – Khamis adalah bagi Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor
- 2.6. Kontraktor/ Syarikat hendaklah mengurangkan bilangan pekerja kepada tahap paling minima atau sekurang-kurangnya sebanyak 50% daripada jumlah semasa yang diperlukan. Kontraktor/ Syarikat juga hendaklah mewujudkan sistem bekerja dari rumah yang sesuai bagi pekerja yang tidak terlibat dengan aktiviti di tapak bina/ premis.
  - 2.7. Semasa Permohonan, Kontraktor/ Syarikat hendaklah mengemukakan kepada MITI keseluruhan senarai pekerja yang terlibat semasa tempoh

PKP. Kontraktor/ Syarikat mestilah memastikan pergerakan pekerja terbabit hanya terhad dari rumah ke tapak bina/ premis sahaja.

*Nota:*

- a) *Perlu menghadkan jumlah pelawat ke premis*
- b) *Menggalakkan syarikat membuat mesyuarat secara maya*

- 2.8. Kontraktor/ Syarikat hendaklah memastikan pekerja asing yang bekerja di tapak bina/ premis mempunyai permit kerja yang sah.
- 2.9. Pekerja-pekerja asing yang tidak tinggal di Malaysia tidak dibenarkan bekerja.
- 2.10. Pekerja-pekerja yang baru pulang dari luar negara, tidak dibenarkan bekerja selama tempoh 14 hari dari tarikh sampai ke Malaysia dan perlu menjalani proses kuarantin sepanjang tempoh tersebut.
- 2.11. Bagi kerja yang memerlukan penggunaan jentera berat, perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan jentera adalah dibenarkan.
- 2.12. Sekiranya terdapat pekerja yang dijangkiti Covid-19, Kontraktor/ Syarikat adalah bertanggungjawab menanggung sepenuhnya semua kos perubatan, proses nyah kuman di tapak bina/ premis dan lain-lain kos yang berkaitan. Kontraktor/ Syarikat perlu memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dalam melaksanakan *contact tracing* pekerja yang telah dijangkiti Covid-19 dan pengurusan *contact*.
- 2.13. Kontraktor/ Syarikat perlu menyediakan pengangkutan bagi pergerakan pekerja dengan mengamalkan *social/ safe distancing*.
- 2.14. Kontraktor/ Syarikat hendaklah memastikan kenderaan mengangkut pekerja telah menjalani proses sanitasi dan nyah kuman setiap kali sebelum digunakan.

2.15. Kontraktor/ Syarikat hendaklah memberikan pemahaman terhadap garis panduan menangani Covid-19 kepada rantaian nilai mereka.

2.16. Sekiranya Kontraktor/ Syarikat menyediakan kemudahan Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ) untuk pekerja, pihak Kontraktor/ Syarikat perlu memastikan ianya mematuhi Garis Panduan *Operasi Centralised Labour Quarters* (CLQ) dan Penginapan Pekerja Binaan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh CIDB serta mana-mana agensi yang berkaitan.

### 3. PERMOHONAN

3.1. Permohonan bagi Surat Kebenaran Beroperasi di tapak bina/ premis boleh dibuat oleh Kontraktor/ Syarikat dan perlu dikemukakan di Portal MITI.

3.2. Permohonan yang dibuat adalah secara *self-declaration* dan perlu disertai dengan ikrar Aku Janji.

3.3. Ikrar Aku Janji perlu disertai dengan ikrar bahawa Kontraktor/ Syarikat akan melaksanakan fungsi dan tanggungjawab seperti yang ditetapkan di dalam SOP serta mematuhi mana-mana arahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan arahan oleh lain-lain agensi Penguatkuasaan yang berkaitan

3.4. Pemprosesan permohonan akan melibatkan rujukan silang (*cross-referencing*) dengan pelbagai pangkalan data yang relevan di peringkat Kementerian dan Agensi.

3.5. Kontraktor/ Syarikat bertanggungjawab memaklumkan MITI sekiranya terdapat pekerja yang positif Covid-19 untuk menilai semula surat kebenaran beroperasi.

3.6. Keputusan berkaitan permohonan boleh dicapai di dalam sistem Portal MITI. Sebarang rayuan akan dipertimbangkan secara *case-by-case* dan keputusan rayuan boleh dicapai dalam tempoh 5 hari bekerja.

#### 4. JENIS PROJEK YANG DIBENARKAN

4.1. Jenis projek pembinaan yang boleh dibenarkan beroperasi:-

- i. Projek di mana Syarikat G1 dan G2 sebagai syarikat utama;
- ii. Projek yang telah disahkan mencapai kemajuan fizikal 90% ke atas;
- iii. Kerja – kerja terowong;
- iv. Kerja – kerja penyelenggaraan dan operasi;
- v. Kerja-kerja cerun;
- vi. Kerja – kerja Jambatan dan *Viaduct*;
- vii. Kerja-kerja penyiasatan tanah;
- viii. Projek bangunan dengan 70 Skor IBS ke atas;
- ix. Projek pembinaan dengan fasiliti/ kemudahan tempat tinggal untuk pekerja seperti Kuarters Pekerja Berpusat atau kem pekerja.
- x. Kerja-kerja kecemasan yang termaktub dalam perjanjian kontrak;
- xi. Kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan pengeringan air bertakung, penyemburan racun serangga di tapak bina bagi mengelakkan pembiakan nyamuk dan lain-lain haiwan perosak;
- xii. Kerja-kerja lain yang jika tidak disempurnakan boleh mendatangkan bahaya.
- xiii. Semua perkhidmatan profesional yang terlibat dalam industri pembinaan termasuklah perkhidmatan senibina, kejuruteraan, perancangan bandar, kerja-kerja ukur tanah, kerja-kerja ukur bahan, pengurusan projek, pengurusan fasiliti dan lain-lain

4.2. Kesemua pelaksanaan projek yang dibenarkan adalah tertakluk kepada pematuhan penuh Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 di Tapak Bina.

#### 5. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

5.1. Permohonan adalah berkonsepkan *self-declaration* di mana Kontraktor/ Syarikat adalah bertanggungjawab sepenuhnya atas maklumat yang dikemukakan. Kontraktor/ Syarikat tidak perlu memuat naik dokumen bagi tujuan permohonan.

5.2. Kontraktor/ Syarikat perlu menyediakan dokumen berikut dan disimpan di tapak bina/ premis untuk disemak oleh CIDB dan mana-mana Agensi yang menjalankan penguatkuasaan termasuklah KKM, PDRM, PBT dan JKPP:

BIL.	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	MENGIKUT JENIS PROJEK YANG DIBENARKAN (merujuk kepada perkara 4.0)												
		i	ii	iii	iv	v	vi	Vii	viii	ix	x	xi	xii	xiii
i.	Nama dan nilai projek	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
ii.	Lokasi projek (koordinat GPS)	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
iii.	Butiran pegawai yang dipertanggungjawabkan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
iv.	Jadual Pelaksanaan Projek bagi tempoh enam (6) bulan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	/	/
v.	Surat Pengesahan berkenaan kemajuan kerja fizikal telah mencapai 90% dari Pegawai Penguasa atau Perunding	x	/	x	x	x	x	X	x	x	x	x	x	x
vi.	Surat Pengesahan berkenaan pencapaian 70 Skor IBS ke atas dari Pegawai Penguasa atau Perunding	x	x	x	x	x	x	X	/	x	x	x	x	x
vii.	Jenis dan skop kerja yang akan dijalankan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	/	/
viii.	Bilangan dan senarai pekerja kontraktor utama mengikut tred yang terlibat	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	/	x
ix.	Bilangan dan senarai subkontraktor serta pekerja mengikut tred yang terlibat	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	/	x
x.	Senarai pembekal bahan binaan dan bahan yang akan digunakan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	/	x
xi.	Senarai pembekal jentera berat, nama operator, lesen dan jentera yang akan digunakan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	/	x
xii.	Senarai perunding dan pekerja yang terlibat	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	/	/

**Nota :**

- / - Dokumen perlu disediakan
- x – Dokumen tidak perlu disediakan

## 6. PELAKSANAAN DAN PEMATUHAN

- 6.1. Surat Kebenaran Beroperasi akan dikeluarkan oleh MITI kepada Kontraktor/ Syarikat.
- 6.2. SOP ini hendaklah dibaca bersama *Prosedur Operasi Standard Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Syarikat-Syarikat Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan* yang dikeluarkan oleh MITI serta lain-lain SOP yang dikeluarkan oleh Kementerian atau Agensi berkaitan.
- 6.3. Kontraktor/ Syarikat hendaklah melaksanakan pengurusan risiko, penjadualan kerja dan pengagihan pekerja mengikut skop yang akan dilaksanakan.
- 6.4. Setiap pekerja perlu memuat turun aplikasi KKM bagi tujuan *contact tracing* (MySejahtera App).
- 6.5. MITI menyediakan sistem bersepadu penggunaan QR Code yang boleh digunakan agensi penguatkuasaan bagi menyemak dengan pantas pengesahan kebenaran untuk beroperasi (*one stop centre online system*).
- 6.6. Kontraktor/ Syarikat hendaklah melantik seorang atau lebih penyelaras bagi membuat penyelarasan langkah-langkah pencegahan penularan wabak Covid-19 di tempat kerja. Penyelaras hendaklah terdiri daripada Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO), Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan (OSH-C) atau Penyelia Tapak Bina (SSS) yang berdaftar atau tersenarai dalam daftar Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), atau Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja kecuali bagi kontraktor G1 hingga G5 serta

syarikat perunding yang mana Pemilik syarikat akan bertindak sebagai Penyelaras. Penyelaras yang dilantik hendaklah melaporkan status pematuhan syarat-syarat kebenaran beroperasi yang ditetapkan kepada MITI dan JKPP.

- 6.7. Kontraktor/ Syarikat hendaklah menyediakan alat saringan suhu badan atau *thermal scanner* serta saringan gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas. Pengukuran suhu badan dan saringan gejala perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk tapak bina/ premis. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan perlu memastikan kakitangan adalah dilatih untuk melakukan pengukuran suhu dan saringan pekerja. Bacaan bagi setiap pekerja hendaklah **direkod dan disimpan** untuk tempoh sekurang-kurangnya 3 bulan untuk rujukan.

Nota: Sekiranya berlaku jumlah ketidakhadiran pekerja yang ramai kerana demam atau bersimptom, perlu dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan yang berdekatan.

- 6.8. Sekiranya bacaan suhu badan ialah 37.5° Celcius atau lebih, atau mempunyai gejala, pekerja tidak dibenarkan memasuki tapak bina/ premis dan Kontraktor/ Syarikat perlu merujuk pekerja (dengan pekerja memakai mask) ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan.
- 6.9. Kenderaan pekerja yang disediakan oleh Kontraktor/ Syarikat tidak dibenarkan untuk melintasi sempadan daerah/ zon dan hanya dibenarkan untuk mengangkut pekerja di dalam daerah/ zon berkenaan sahaja.
- 6.10. Kontraktor/ Syarikat perlu menyediakan kenderaan pengangkutan bagi pergerakan pekerja dengan menerapkan penjarakkan sosial/ *safe distancing* dan kenderaan yang digunakan perlu dinyah kuman setiap kali digunakan.

Nota:

- a) *Pergerakan kenderaan pengangkutan pekerja adalah hanya dibenarkan dalam zon yang dibenarkan oleh pihak MKN sahaja;*
- b) *Kontraktor/ Syarikat digalakkan untuk menyediakan kemudahan penginapan atau menggunakan perkhidmatan Kwarters Pekerja Berpusat untuk penginapan pekerja yang terletak dalam zon yang sama;*
- c) *Tertakluk kepada kemampuan syarikat, penggunaan hotel sebagai tempat penginapan pekerja boleh dipertimbangkan dalam zon yang sama.*

6.11. Semua kenderaan yang masuk ke tapak bina/premis perlulah disanitasi termasuk bahan yang dibawa. Pemandu kenderaan membawa bahan masuk juga perlu disaring dengan mengambil suhu badan dan menggunakan hand sanitizer.

6.12. Kontraktor/ Syarikat perlu mempunyai Protokol Tindak Balas Kecemasan (*Emergency Response Protocol*) yang menyatakan apa yang perlu dilakukan sekiranya berlaku kes jangkitan Covid-19 atau pun kes siasatan jangkitan Covid-19 terhadap pekerja.

6.13. Hanya pekerja-pekerja yang tinggal di Daerah/ Zon yang sama dengan tapak bina/ premis dibenarkan untuk bekerja berdasarkan SOP dan peraturan yang ditetapkan. Pekerja-pekerja yang tinggal di luar daerah/zon tapak bina/ premis perlu disahkan bebas dari Covid-19 serta telah melalui proses kuarantin selama 14 hari, sebelum dibenarkan masuk bekerja di tapak bina.

## **7. PENGUATKUASAAN**

7.1. Penguatkuasaan di tapak bina:

- i. Surat Kebenaran Beroperasi hendaklah dipamerkan dengan jelas di tapak bina/ premis.

- ii. KKM/ CIDB/ PDRM/ PBT/ JKPP atau mana-mana pegawai yang diberikan kuasa boleh membuat pemeriksaan pada bila-bila masa.
- iii. KKM, PDRM, JKPP & CIDB berdasarkan kuasa yang diberikan boleh mengarahkan penutupan tapak bina/ premis serta-merta sekiranya ada pelanggaran terhadap kebenaran (bilangan pekerja, penjarakkan sosial, *hand sanitizer*, saringan suhu badan) yang diberikan.
- iv. Kontraktor/ Syarikat hendaklah sentiasa melakukan hebahan kesedaran penjagaan kesihatan dan kebersihan diri bagi mengelak jangkitan Covid-19.
- v. Ketidakpatuhan Kontraktor/ Syarikat terhadap arahan pematuhan operasi syarikat sepanjang PKP hendaklah dilaporkan kepada pihak PDRM.

#### 7.2. Penguatkuasaan di Sekatan Jalan Raya:

- i. Surat kebenaran hadir bekerja perlu sentiasa dibawa oleh pekerja.
- ii. Pengangkutan yang digunakan oleh syarikat perlu mempamerkan Surat Kebenaran Beroperasi.

#### 7.3. *Taskforce* Di Peringkat Negeri:

- i. *Taskforce* di peringkat negeri MKN, PDRM, RELA, MITI, SME Corp., JTK/ JKPP dari segi rondaan kepada perniagaan diperkukuhkan lagi.
- ii. Sumber aduan daripada email, bilik gerakan, *call centre* premis, pekerja, orang awam dan media.

#### 7.4. Penguatkuasaan mengikut zon:

- i. Penguatkuasaan zon akan mengikut arahan dan garis panduan yang disediakan oleh pihak MKN.

#### 7.5. Pengesyoran surat pembatalan:

- i. Ketidakpatuhan kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit akan menyebabkan pembatalan surat kebenaran beroperasi dengan serta-merta.
- ii. Makluman pembatalan hendaklah diberikan oleh *taskforce* ke pihak MITI.

7.6. Kerja pembinaan boleh dihentikan serta-merta dan tindakan termasuk tindakan tatatertib boleh diambil oleh CIDB terhadap Kontraktor sekiranya gagal mematuhi SOP serta garis panduan yang ditetapkan.

**CIDB berhak untuk meminda syarat-syarat di atas tertakluk kepada situasi semasa.**

# LAMPIRAN C

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)  
DAN  
GARIS PANDUAN  
KEBENARAN BEROPERASI SERTA  
PERGERAKAN PEKERJA BAGI PROJEK  
PEMBINAAN  
DALAM TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)  
FASA KE-4**



**2020**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA /  
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)  
PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DAN GARIS PANDUAN**

**KEBENARAN BEROPERASI SERTA PERGERAKAN PEKERJA BAGI PROJEK  
PEMBINAAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)  
FASA KE-4**

---

**ISI KANDUNGAN**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	Pengenalan	3
2.	Amalan yang perlu dipatuhi	4
3.	Permohonan	7
4.	Jenis Projek yang dibenarkan	8
5.	Dokumen yang diperlukan	9
6.	Pelaksanaan dan Pematuhan	11
7.	Penguatkuasaan	13
8.	Ketidakpatuhan	16
9.	Pindaan	16

**LAMPIRAN**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.	<b>Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 Di Tapak Bina Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Ke-4</b>	<b>18</b>
2.	<b>Garis Panduan Operasi <i>Centralised Labour Quarters</i> (CLQ) dan Penginapan Pekerja Binaan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Ke-4</b>	<b>28</b>

## 1. PENGENALAN

- 1.1. Prosedur Operasi Standard (SOP) ini disediakan selaras dengan keputusan Kerajaan untuk membenarkan kerja-kerja pembinaan diteruskan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.4) 2020 [P.U(A) 133/2020] yang berkuat kuasa mulai 29 April 2020 sehingga 12 Mei 2020 termasuk apa-apa pindaan kepadanya atau apa-apa peraturan baharu yang di buat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
- 1.2. SOP ini juga bertujuan untuk memperincikan proses permohonan menjalankan kerja pembinaan untuk kontraktor/syarikat ketika mengemukakan permohonan kebenaran beroperasi semasa tempoh PKP dan juga perkara-perkara yang perlu dipatuhi di tapak bina serta tanggungjawab kontraktor apabila kebenaran beroperasi diluluskan.
- 1.3. Pematuhan SOP ini perlu mengambil kira prosedur operasi standard dan garis panduan lain yang dikeluarkan oleh kementerian atau agensi lain yang bertanggungjawab dalam rantai bekalan (*supply chain*) industri pembinaan. *Supply chain* ini meliputi pengeluar bahan, pengedar bahan binaan, pengusaha kuari serta pembekal jentera dan peralatan termasuklah perkhidmatan logistik dan perkhidmatan perundingan.
- 1.4. Kerja pembinaan boleh diberhentikan serta merta dan apa-apa tindakan sewajarnya termasuk pengantungan atau pembatalan pendaftaran kontraktor/ syarikat boleh diambil terhadap kontraktor/syarikat sekiranya kontraktor/ syarikat gagal mematuhi SOP yang ditetapkan.

## 2. AMALAN YANG PERLU DIPATUHI

- 2.1. Surat Kebenaran Beroperasi hendaklah dipamerkan dengan jelas di tapak bina/premis. Kebenaran beroperasi adalah mengikut zon yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara ("MKN") dan tertakluk kepada peraturan-peraturan semasa yang dikeluarkan oleh MKN.
- 2.2. Kontraktor/syarikat hendaklah mematuhi Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 di Tapak Bina dan Garis Panduan Operasi *Centralised Labour Quarters* (CLQ) dan Penginapan Pekerja Binaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan, termasuk apa-apa garis panduan lain yang dikeluarkan oleh CIDB, syarat-syarat yang ditetapkan dalam SOP ini dan prosedur operasi standard/garis panduan yang dikeluarkan oleh kementerian atau agensi berkaitan.
- 2.3. Kontraktor/syarikat hendaklah menyediakan alat saringan suhu badan atau *thermal scanner* serta saringan gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas. Pengukuran suhu badan dan saringan gejala perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk tapak bina/premis. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang ditubuhkan melalui Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996 [*P.U. (A) 616/1996*] perlu memastikan anggota yang dilatih melakukan pengukuran suhu dan saringan pekerja. Bacaan bagi setiap pekerja hendaklah di rekod dan disimpan untuk tempoh sekurang kurangnya 3 bulan untuk rujukan.
- 2.4. Sekiranya bacaan suhu badan ialah 37.5° Celsius atau lebih, atau mempunyai gejala jangkitan Covid-19, pekerja tidak dibenarkan memasuki tapak bina/premis dan perlu merujuk pekerja tersebut (dengan pekerja memakai *mask*) ke Klinik Panel syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan.

- 2.5. Kontraktor/syarikat hendaklah menyesuaikan bilangan pekerja di tapak bina bagi membolehkan penjarakan sosial dipatuhi. Oleh yang demikian Kontraktor atau syarikat digalakkan -
- (a) melaksanakan pengurusan risiko, penjadualan kerja dan pengagihan pekerja secara “sequence” atau “staggered” mengikut skop kerja yang akan dilaksanakan; dan
  - (b) mewujudkan sistem bekerja dari rumah yang sesuai bagi pekerja yang tidak terlibat dengan aktiviti di tapak bina/premis.
- 2.6. Kontraktor/syarikat mestilah memastikan pergerakan pekerja terbabit hanya terhad dari rumah ke tapak bina/premis sahaja.
- Nota:
- (a) Perlu menghadkan jumlah pelawat ke premis
  - (b) Menggalakkan syarikat membuat mesyuarat secara maya
- 2.7. Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan pekerja asing yang bekerja di tapak bina/ premis mempunyai permit kerja yang sah.
- 2.8. Pekerja-pekerja asing yang yang berulang alik dari negara luar ke Malaysia tidak dibenarkan bekerja.
- 2.9. Kontraktor/syarikat hendaklah menyediakan apa-apa bentuk surat pengesahan kepada setiap pekerja untuk membuktikan keperluan hadir bekerja di tapak bina/premis.
- 2.10. Pekerja yang baru pulang dari luar negara tidak dibenarkan bekerja selama tempoh 14 hari dari tarikh pekerja tersebut tiba di Malaysia. pekerja tersebut juga perlu menjalani proses kuarantin sepanjang tempoh 14 hari tersebut.
- 2.11. Bagi kerja yang memerlukan penggunaan jentera berat, perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan jentera adalah dibenarkan.

- 2.12. Sekiranya terdapat pekerja yang dijangkiti Covid-19, kontraktor/syarikat adalah bertanggungjawab menanggung sepenuhnya semua kos perubatan, proses nyah kuman di tapak bina/ premis dan lain-lain kos yang berkaitan. Kontraktor/syarikat juga perlu memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (“KKM”) atau Pegawai Diberi Kuasa yang dilantik menurut seksyen 3 Akta Pengawasan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*] dalam melaksanakan *contact tracing* pekerja yang telah dijangkiti Covid-19 dan pengurusan *contact*.
- 2.13. Kontraktor/ syarikat perlu menyediakan pengangkutan bagi pergerakan pekerja dengan mengamalkan *social/safe distancing*. Kontraktor/syarikat juga memastikan pekerja sentiasa memakai topeng muka dan sarung tangan serta memastikan pekerja mengamalkan penjarakan sosial/*safe distancing* ketika menjalankan kerja di tapak pembinaan.
- 2.14. Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan kenderaan mengangkut pekerja telah menjalani proses sanitasi dan nyah kuman setiap kali sebelum/ selepas digunakan.
- 2.15. Kontraktor/syarikat hendaklah memberikan pemahaman terhadap SOP ini dan prosedur operasi standard lain yang dikeluarkan oleh kementerian atau agensi lain berhubungan dengan Covid-19 kepada *supply chain* mereka.
- 2.16. Sekiranya kontraktor/syarikat menyediakan kemudahan Kwarters Pekerja Berpusat (CLQ) untuk pekerja, pihak kontraktor/ syarikat perlu memastikan ianya mematuhi Garis Panduan CLQ dan Penginapan Pekerja Binaan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), termasuk apa-apa garis panduan baharu yang dikeluarkan oleh CIDB serta mana-mana agensi yang berkaitan.

### 3. PERMOHONAN

- 3.1. Permohonan bagi Surat Kebenaran Beroperasi di tapak bina/ premis boleh di buat oleh Kontraktor/syarikat dan perlu dikemukakan di Portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ("MITI").
- 3.2. Semasa membuat permohonan, kontraktor/syarikat hendaklah mengemukakan kepada MITI keseluruhan senarai pekerja yang terlibat semasa tempoh PKP.
- 3.3. Permohonan yang di buat adalah secara *self-declaration* dan perlu disertai dengan ikrar Aku Janji mengikut format yang disediakan oleh CIDB.
- 3.4. Ikrar Aku Janji tersebut perlu disertai dengan ikrar bahawa kontraktor/ syarikat dikehendaki berikrar akan melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang ditetapkan di dalam SOP ini sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.4) 2020 [*P.U.(A)133/2020*], Garis Panduan KKM (*Place of Work and Workers' Public Health Guideline*) dan/ atau arahan oleh KKM dan arahan oleh Pegawai Diberi Kuasa yang dilantik menurut seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*] dan lain-lain agensi Penguatkuasaan yang berkaitan.
- 3.5. Pemprosesan permohonan akan melibatkan rujukan silang (*cross-referencing*) dengan pelbagai pangkalan data yang relevan di peringkat Kementerian dan Agensi.
- 3.6. Kontraktor/ syarikat bertanggungjawab memaklumkan MITI dan KKM atau mana-mana Pegawai Diberi Kuasa yang dilantik menurut seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta*

342] sekiranya terdapat pekerja yang positif Covid-19 untuk menilai semula surat kebenaran beroperasi.

- 3.7. Keputusan berkaitan permohonan boleh dicapai di dalam sistem Portal MITI. Sebarang rayuan akan dipertimbangkan secara *case-by-case* dan keputusan rayuan boleh dicapai dalam tempoh lima (5) hari bekerja.

#### 4. JENIS PROJEK YANG DIBENARKAN

4.1. Jenis projek pembinaan yang boleh dibenarkan beroperasi:-

- (a) Projek di mana Syarikat G1 dan G2 sebagai kontraktor;
- (b) Projek yang telah disahkan mencapai kemajuan fizikal 90% ke atas;
- (c) Kerja - kerja terowong;
- (d) Kerja - kerja penyelenggaraan dan operasi;
- (e) Kerja-kerja cerun;
- (f) Kerja - kerja Jambatan dan *Viaduct*;
- (g) Kerja-kerja penyiasatan tanah;
- (h) Projek bangunan dengan 70 Skor IBS ke atas;
- (i) Projek pembinaan dengan fasiliti/kemudahan tempat tinggal untuk pekerja seperti Kuarters Pekerja Berpusat atau kem pekerja;
- (j) Kerja-kerja kecemasan yang termaktub dalam perjanjian kontrak;
- (k) Kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan pengeringan air bertakung, penyemburan racun serangga di tapak bina bagi mengelakkan pembiakan nyamuk dan lain-lain haiwan perosak;
- (l) Kerja-kerja lain yang jika tidak disempurnakan boleh mendatangkan bahaya; dan
- (m) Semua perkhidmatan profesional yang terlibat dalam industri pembinaan termasuklah perkhidmatan seni bina, kejuruteraan, perancangan bandar, kerja-kerja ukur tanah, kerja-kerja ukur bahan, pengurusan projek, pengurusan fasiliti dan lain-lain.

- 4.2. Kesemua pelaksanaan projek pembinaan yang dibenarkan adalah tertakluk kepada pematuhan penuh terhadap Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.4) 2020 [P.U.(A) 133/2020] termasuk apa-apa pindaan kepadanya atau apa-apa peraturan baharu yang di buat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], Garis Panduan KKM (*Place of Work and Workers' Public Health Guideline*) dan/ atau arahan oleh KKM atau Pegawai Diberi Kuasa yang dilantik menurut seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan arahan oleh lain-lain agensi Penguatkuasaan yang berkaitan.

## 5. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- 5.1. Permohonan adalah berkonsepkan *self-declaration* dimana kontraktor/ syarikat adalah bertanggungjawab sepenuhnya atas maklumat yang dikemukakan. Kontraktor/syarikat tidak perlu memuat naik dokumen bagi tujuan permohonan.
- 5.2. Walau bagaimanapun, kontraktor/syarikat perlu menyediakan dokumen berikut dan disimpan di tapak bina/ premis untuk disemak oleh CIDB dan mana-mana agensi yang menjalankan penguatkuasaan termasuklah KKM, Polis Diraja Malaysia (“PDRM”), Pihak Berkuasa Tempatan (“PBT”) dan Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (“JKKP”):

BIL.	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	MENGIKUT JENIS PROJEK YANG DIBENARKAN (merujuk kepada perkara 4.1)												
		a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m
i.	Nama dan nilai projek	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/

BIL.	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	MENGIKUT JENIS PROJEK YANG DIBENARKAN (merujuk kepada perkara 4.1)												
		a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m
ii.	Ikrar Aku Janji CIDB	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
iii.	Lokasi projek (koordinat GPS)	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
iv.	Butiran pegawai yang dipertanggungjawabkan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
v.	Jadual Pelaksanaan Projek bagi tempoh enam (6) bulan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	/	/
vi.	Surat Pengesahan berkenaan kemajuan kerja fizikal telah mencapai 90% dari Pegawai Penguasa atau Perunding	x	/	x	x	x	x	X	x	x	x	x	x	x
vii.	Surat Pengesahan berkenaan pencapaian 70 Skor IBS ke atas dari Pegawai Penguasa atau Perunding	x	x	x	x	x	x	X	/	x	x	x	x	x
viii.	Jenis dan skop kerja yang akan dijalankan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	/	/
ix.	Bilangan dan senarai pekerja kontraktor utama mengikut tred yang terlibat	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	/	x
x.	Bilangan dan senarai subkontraktor serta pekerja mengikut tred yang terlibat	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	/	x
xi.	Senarai pembekal bahan binaan dan bahan yang akan digunakan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	/	x

BIL.	DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	MENGIKUT JENIS PROJEK YANG DIBENARKAN (merujuk kepada perkara 4.1)													
		a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m	
xii.	Senarai pembekal jentera berat, nama operator, lesen dan jentera yang akan digunakan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	/	x
xiii.	Senarai perunding dan pekerja yang terlibat	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	x	/	/

**Nota :**

/ - Dokumen perlu disediakan

x – Dokumen tidak perlu disediakan

**6. PELAKSANAAN DAN PEMATUHAN**

- 6.1. Surat Kebenaran Beroperasi akan dikeluarkan oleh MITI kepada kontraktor/syarikat.
- 6.2. SOP ini hendaklah dibaca bersama Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.4) 2020 [P.U.(A)133/2020] termasuk apa-apa pindaan kepadanya atau apa-apa peraturan baharu yang di buat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], *Prosedur Operasi Standard Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Syarikat-Syarikat Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan* yang dikeluarkan oleh MITI serta syarat-syarat yang ditetapkan, dan lain-lain prosedur operasi standard/ garis panduan yang dikeluarkan oleh kementerian atau agensi berkaitan.

- 6.3. Kontraktor/syarikat hendaklah melaksanakan pengurusan risiko, penjadualan kerja dan pengagihan pekerja mengikut skop yang akan dilaksanakan.
- 6.4. Setiap pekerja perlu memuat turun aplikasi KKM bagi tujuan *contact tracing* (MySejahtera App).
- 6.5. MITI menyediakan sistem bersepadu penggunaan QR Code yang boleh digunakan oleh agensi penguatkuasaan bagi menyemak dengan pantas pengesahan kebenaran untuk beroperasi (*one-stop centre online system*).
- 6.6. Kontraktor/syarikat hendaklah melantik seorang atau lebih penyelararas bagi membuat penyelararas langkah-langkah pencegahan penularan wabak Covid-19 di tempat kerja. Penyelararas hendaklah terdiri daripada Pegawai Keselamatan dan Kesihatan ("SHO"), Penyelararas Keselamatan dan Kesihatan ("OSH-C") atau Penyelia Tapak Bina ("SSS") yang berdaftar atau tersenarai dalam daftar Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan atau Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja kecuali bagi kontraktor G1 hingga G5 serta syarikat perunding yang mana Pemilik syarikat akan bertindak sebagai Penyelararas. Penyelararas yang dilantik hendaklah melaporkan status pematuhan syarat-syarat kebenaran beroperasi yang ditetapkan kepada MITI dan JKPP.
- 6.7. Kenderaan pekerja yang disediakan oleh kontraktor/syarikat tidak dibenarkan untuk melintasi sempadan daerah/zon dan hanya dibenarkan untuk mengangkut pekerja di dalam daerah/zon berkenaan sahaja.
- 6.8. Kontraktor/ syarikat perlu menyediakan kenderaan pengangkutan bagi pergerakan pekerja dengan menerapkan penjarakan *social/safe distancing* dan kenderaan yang digunakan perlu dibasmi/dinyah kuman setiap kali digunakan.

*Nota:*

- (a) Pergerakan kenderaan pengangkutan pekerja adalah hanya dibenarkan dalam zon yang dibenarkan oleh pihak MKN sahaja;
  - (b) Kontraktor/ Syarikat digalakkan untuk menyediakan kemudahan penginapan atau mengguna pakai perkhidmatan Kuarters Pekerja Berpusat untuk penginapan pekerja yang terletak dalam zon yang sama;
  - (c) Tertakluk kepada kemampuan syarikat, penggunaan hotel sebagai tempat penginapan pekerja boleh dipertimbangkan dalam zon yang sama.
- 6.9. Semua kenderaan yang masuk ke tapak bina/premis perlulah disanitasi termasuk bahan yang dibawa. Pemandu kenderaan membawa bahan masuk juga perlu disaring dengan mengambil suhu badan dan menggunakan *hand sanitizer*.
- 6.10. Kontraktor/ syarikat perlu mempunyai Protokol Tindak Balas Kecemasan (*Emergency Response Protocol*) yang menyatakan apa yang perlu dilakukan sekiranya berlaku kes jangkitan Covid-19 atau pun kes siasatan jangkitan Covid-19 terhadap pekerja.
- 6.11. Hanya pekerja yang tinggal di daerah/ zon yang sama dengan tapak bina/ premis dibenarkan untuk bekerja berdasarkan SOP dan peraturan yang ditetapkan. Pekerja yang tinggal di luar daerah/zon tapak bina/ premis perlu disahkan bebas dari Covid-19 serta telah melalui proses kuarantin selama 14 hari, sebelum dibenarkan masuk bekerja di tapak bina.

## **7. PENGUATKUASAAN**

- 7.1. Penguatkuasaan di tapak bina:

- (a) Surat Kebenaran Beroperasi (yang dikeluarkan oleh MITI) hendaklah dipamerkan dengan jelas di tapak bina/ premis.
- (b) Amalan yang perlu dipatuhi sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 2.
- (c) KKM/CIDB/PDRM/PBT/JKKP atau mana-mana Pegawai Diberi Kuasa menurut seksyen 3 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] boleh membuat pemeriksaan pada bila-bila masa.
- (d) KKM, PDRM, JKKP dan CIDB berdasarkan kuasa yang diberikan boleh mengarahkan pemberhentian operasi dengan serta-merta sekiranya ada terdapat apa-apa pelanggaran peruntukan SOP ini termasuk terhadap kebenaran (bilangan pekerja, penjarakan sosial/ *safe distancing*, penggunaan/ penyediaan *hand sanitizer*, saringan suhu badan) yang diberikan.
- (e) Kontraktor/syarikat hendaklah sentiasa melakukan hebahan kesedaran penjagaan kesihatan dan kebersihan diri kepada pekerja bagi mengelak jangkitan Covid-19. Bukti hebahan dan kesedaran hendaklah disimpan untuk diperiksa oleh CIDB dan atau pegawai yang diberikuasa.
- (f) Ketidapatuhan kontraktor/syarikat terhadap arahan pematuhan operasi syarikat sepanjang PKP hendaklah dilaporkan kepada pihak PDRM.

## 7.2. Penguatkuasaan di Sekatan Jalan Raya:

- (a) surat kebenaran hadir bekerja perlu sentiasa dibawa oleh pekerja.

- (b) pengangkutan yang digunakan oleh kontraktor/syarikat perlu mempamerkan Surat Kebenaran Beroperasi (yang dikeluarkan oleh MITI).
- (c) pekerja perlu membawa apa-apa bukti yang perlu jika dikehendaki oleh mana-mana Pegawai Diberi Kuasa di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 4) 2020 [*P.U.(A) 133/2020*] yang sedang berkuat kuasa dan di buat menurut seksyen 11 Akta 342.

7.3. *Taskforce* Di Peringkat Negeri:

- (a) *Taskforce* di peringkat negeri terdiri daripada MKN, PDRM, RELA, MITI, SME Corp., Jabatan Tenaga Kerja (“JTK”)/JKKP dari segi rondaan kepada tapak bina/premis diperkukuhkan lagi.
- (b) Sumber aduan daripada e-mel, bilik gerakan, *call centre* premis, pekerja, orang awam dan media.

7.4. Penguatkuasaan mengikut zon akan mengikut arahan dan garis panduan yang disediakan oleh pihak MKN.

7.5. Pengesyoran surat pembatalan:

- (a) Ketidakpatuhan kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*] atau mana-mana peraturan yang diperbuat di bawahnya atau mana-mana syarat di bawah SOP akan menyebabkan pembatalan surat kebenaran beroperasi dengan serta-merta.
- (b) Makluman pembatalan hendaklah diberikan oleh *taskforce* ke pihak MITI.

## **8. KETIDAKPATUHAN**

Mana-mana kontraktor/syarikat yang tidak mematuhi SOP dan Garis Panduan ini boleh diambil tindakan selaras dengan Akta 342 atau mana-mana peraturan yang diperbuat dibawahnya atau di bawah Akta 520 atau kedua-duanya sekali. Kerja pembinaan boleh dihentikan serta-merta dan kebenaran untuk beroperasi yang diberikan boleh dibatalkan/ditarik semula, selain meminda syarat-syarat di atas tanpa sebarang notis dan tertakluk kepada situasi dari semasa ke semasa.

## **9. PINDAAN**

CIDB berhak untuk meminda apa-apa syarat-syarat dalam SOP ini dari semasa ke semasa.

**LAMPIRAN**

**LAMPIRAN 1**

**GARIS PANDUAN AMALAN LANGKAH PENCEGAHAN COVID-19 DI TAPAK  
BINA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)  
FASA KE-4**

---

**1. PENDAHULUAN**

CIDB sentiasa mengikuti perkembangan dan mengambil serius terhadap penularan wabak Covid-19 yang berlaku di negara ini. Selaras dengan perkembangan terkini, CIDB telah menyediakan Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 di tapak bina bagi meminimumkan risiko penularan Covid-19 dan memastikan persekitaran tapak bina adalah selamat, kondusif dan terkawal di tapak bina.

**2. PEMAKAIAN**

Garis Panduan ini hendaklah diguna pakai oleh SEMUA Kontraktor/syarikat dan Pekerja Binaan dalam menjalankan kerja-kerja pembinaan di Malaysia, sebagai amalan langkah pencegahan wabak Covid-19. Garis panduan ini juga hendaklah dibaca bersama SOP dan arahan berkaitan pengawalan Covid-19 oleh Kerajaan dan agensi berkaitan yang diberi kuasa dan mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa.

**3. OBJEKTIF**

- 3.1. Membantu pihak-pihak berkaitan mengambil langkah pencegahan penularan di tapak bina.
- 3.2. Mengurangkan risiko penularan wabak Covid-19 di tapak bina.

- 3.3. Menyeragamkan tindakan awal pencegahan wabak di tapak bina yang boleh diamalkan oleh pihak-pihak berkaitan.
- 3.4. Memastikan kepatuhan Kontraktor/syarikat terhadap undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia, selaras dengan keadaan semasa iaitu ketika penularan Covid-19.

#### **4. AMALAN UMUM**

- 4.1. Kontraktor/syarikat hendaklah peka terhadap perkembangan terkini dan mematuhi prosedur pencegahan Covid-19 yang telah ditetapkan oleh KKM dan MKN yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- 4.2. Sekiranya terdapat pekerja-pekerja yang berada di bawah pemerhatian KKM (*person under investigation & person under surveillance*), pekerja terbabit tidak dibenarkan datang bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM.
- 4.3. Sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa, pekerja-pekerja asing yang berada di luar Malaysia adalah tidak dibenarkan masuk ke tapak bina dan bekerja walaupun majikan atau pihak-pihak berkaitan telah diberi kebenaran menjalankan kerja-kerja pembinaan.
- 4.4. Pekerja-pekerja yang baru pulang dari luar negara dalam tempoh PKP, tidak dibenarkan bekerja dan masuk ke tapak bina dalam tempoh 14 hari bermula dari tarikh sampai ke Malaysia. Ini adalah untuk membolehkan mereka menjalani proses kuarantin selaras dengan arahan KKM.

#### **5. LANGKAH PENCEGAHAN**

Amalan langkah pencegahan Covid-19 di tapak bina adalah dirangka berdasarkan rutin harian yang akan dilaksanakan oleh Kontraktor/syarikat

bermula dari tempat kediaman, tapak bina dan pulang semula ke tempat kediaman.

#### **5.1. Langkah 1 – SARINGAN DARI CLQ/TEMPAT PENGINAPAN**

- (a) Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan pekerja adalah sihat dan tidak menunjukkan gejala berkaitan Covid-19 seperti demam, batuk, sakit tekak atau kesukaran bernafas.
- (b) Setiap pekerja perlu memuat turun aplikasi KKM (*MySejahtera App*) bagi tujuan *contact tracing*.
- (c) Kontraktor/syarikat perlu melakukan saringan kesihatan dengan menjalankan pemeriksaan suhu badan kepada semua pekerja pada setiap hari sebelum menaiki kenderaan untuk bergerak ke tapak bina dan direkodkan.
- (d) Kontraktor/syarikat perlu memastikan pekerja yang disaring bebas daripada wabak Covid-19.
- (e) Pekerja yang mempunyai suhu badan tinggi (37.5° Celsius atau lebih) atau mempunyai gejala berkaitan Covid-19 perlu dirujuk dengan segera ke klinik panel syarikat atau klinik yang bersesuaian.
- (f) Pekerja yang disyaki menghidapi gejala-gejala Covid-19 dan kontak rapat pekerja tersebut hendaklah seberapa segera diasingkan dan tidak dibenarkan bekerja.
- (g) Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan tempat penginapan sama ada ditapak atau lain-lain adalah selamat dan menepati Garis Panduan Operasi *Centralised Labour Quarters (CLQ)* dan Penginapan Pekerja Binaan Semasa PKP.
- (h) Bagi tapak bina dengan kuarters atau kediaman pekerja di dalam tapak bina, kebersihan dan pemantauan pergerakan pekerja hendaklah dilaksanakan secara berterusan. Pergerakan pekerja keluar masuk hendaklah dihadkan.

#### **5.2. Langkah 2 – PENGANGKUTAN PEKERJA/ BAHAN BINAAN**

### 5.2.1 Proses Pergerakan Pekerja ke Tapak Bina

- (a) Kontraktor/syarikat hendaklah menyediakan kenderaan bagi pengangkutan pekerja ke tapak bina. **Penggunaan kenderaan awam tidak dibenarkan sama sekali.**
- (b) Pekerja yang tinggal berdekatan dengan tapak bina dibenarkan untuk berjalan kaki ke tapak bina.
- (c) Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan kenderaan telah menjalani proses membasmi/nyah kuman setiap kali sebelum digunakan untuk mengangkut pekerja. Proses membasmi/nyah kuman perlu dilaksanakan secara berkala dan direkodkan untuk tujuan pemeriksaan.
- (d) Kenderaan pekerja yang disediakan oleh Kontraktor/syarikat hanya dibenarkan untuk mengangkut pekerja di dalam daerah/zon berkenaan sahaja dan tidak dibenarkan untuk melintasi sempadan daerah/zon.
- (e) Kontraktor/syarikat perlu menyediakan kenderaan pengangkutan bagi pergerakan pekerja dengan menerapkan penjarakan *sosial/safe distancing* dan kenderaan yang digunakan perlu dibasmi/nyah cemar kuman setiap kali digunakan.

### 5.2.1. Proses Pergerakan Bahan Binaan ke Tapak Bina

- (a) Kontraktor/syarikat perlu memaklumkan kepada semua pembekal barangan dan perkhidmatan (*supply chain*) yang berurusan dengan mereka supaya mendapat kelulusan beroperasi dan pergerakan yang sewajarnya serta mematuhi dan mengamalkan langkah pencegahan Covid-19 yang ditetapkan oleh KKM.
- (b) Pergerakan masuk bahan ke tapak bina hendaklah direkodkan dengan lengkap.

- (c) Pemandu kenderaan yang membawa masuk bahan juga perlu disaring dengan mengambil suhu badan dan menggunakan *hand sanitizer*.

### 5.3. Langkah 3 – DI TAPAK BINA

#### 5.3.1. Di Pintu Masuk Tapak

- (a) Kontraktor/syarikat perlu memastikan Surat Kebenaran Beroperasi dipamerkan dengan jelas di pintu masuk tapak bina untuk rujukan pihak berkuasa yang mengadakan pemeriksaan.
- (b) Kontraktor/syarikat WAJIB mengisytiharkan senarai lengkap pekerja yang akan berada di tapak bina semasa memohon kebenaran memulakan operasi kerja-kerja pembinaan. Senarai tersebut perlu disediakan di tapak bina untuk rujukan pihak berkuasa.
- (c) Hanya pekerja yang tiba dengan kenderaan yang disediakan oleh Kontraktor/syarikat boleh dibenarkan masuk ke tapak bina.
- (d) Mana-mana pihak yang berurusan perlulah disaring dengan mengambil suhu badan dan diperiksa tahap kesihatan mereka sebelum masuk ke tapak bina. Mana-mana pihak yang berurusan yang disyaki mempunyai tanda-tanda Covid-19 tidak dibenarkan sama sekali masuk ke tapak bina.
- (e) Pencuci tangan (*hand sanitizer*) hendaklah digunakan di pintu masuk bagi semua pekerja dan mana-mana pihak yang berurusan dengan tapak bina.
- (f) Kontraktor/syarikat adalah bertanggungjawab memastikan dan membantu pihak yang diberi kuasa untuk melakukan sebarang pemeriksaan ke atas tapak pembinaan dan pekerjaanya.

### 5.3.2. Aktiviti Kerja

- (a) Kontraktor/syarikat hendaklah menyesuaikan bilangan pekerja di tapak bina bagi membolehkan penjarakan sosial dipatuhi.
- (b) Kontraktor/syarikat perlu mewujudkan satu **pasukan petugas khas** diketuai oleh seorang **ketua** yang dipertanggungjawabkan bagi menguruskan risiko penularan wabak di tapak bina.
- (c) Kontraktor/syarikat perlu menyediakan laluan pergerakan keluar masuk terkawal di tapak bina untuk memantau pergerakan pekerja.
- (d) Setiap pelaksanaan kerja di tapak bina hendaklah dirancang dengan mengambil kira bilangan pekerja yang seminimum mungkin selaras dengan syarat kelulusan.
- (e) Penilaian semula risiko dengan memasukkan elemen risiko jangkitan Covid-19 hendaklah dilaksanakan sebelum memulakan kerja di tapak bina oleh pegawai yang bertanggungjawab.
- (f) Penjarakan sosial seperti yang disarankan oleh KKM iaitu 1.0 meter hendaklah dilaksanakan di tapak bina agar pekerja tidak berada atau bekerja berdekatan antara satu sama lain dalam tempoh yang lama. Semua pekerjaan di ruangan tertutup hendaklah diminimumkan.
- (g) Sebarang mesyuarat, sekiranya ada, hendaklah dilaksanakan di ruangan yang sesuai serta mematuhi kehendak penjarakan sosial.
- (h) Kontraktor/syarikat perlu memantau semua pekerja yang bekerja di tapak bina setiap masa agar tidak duduk berkumpul dan sentiasa mengamalkan penjarakan sosial.
- (i) Kontraktor/syarikat hendaklah mewujudkan kesedaran mengenai wabak Covid-19 kepada pekerja-pekerja binaan untuk menjaga kebersihan dan kesihatan diri antaranya amalan kerap membasuh tangan dengan menggunakan air

dan sabun serta mengamalkan etika batuk yang baik kepada pekerja-pekerja binaan.

- (j) Kontraktor/syarikat hendaklah membekalkan setiap pekerja dengan alat pelindung diri yang bersesuaian seperti penutup hidung, topeng muka dan sarung tangan mengikut keperluan.
- (k) Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan setiap pekerja sentiasa memakai topeng muka semasa bekerja termasuklah ketika berada di tandas.
- (l) Kontraktor/syarikat perlu menyediakan kemudahan dan peralatan untuk mencuci tangan seperti air, sabun dan bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*).
- (m) Kontraktor/syarikat juga dikehendaki memberi peringatan lebih kerap dan berterusan di tapak bina seperti melalui siar raya atau menampal poster peringatan Covid-19.
- (n) Kontraktor/syarikat hendaklah bertanggungjawab untuk melaksanakan proses membasmi/nyah kuman dilaksanakan dengan kadar segera mengikut tatacara yang ditetapkan oleh KKM dengan kadar segera.
- (o) Kontraktor/syarikat hendaklah melaporkan kepada KKM dengan kadar segera sekiranya terdapat pekerja yang disyaki menghidapi Covid-19 dan seterusnya perlu mematuhi arahan serta nasihat selanjutnya daripada KKM.
- (p) Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan tandas berada dalam keadaan sempurna dan bersih serta melakukan proses pembasmian/nyah kuman secara kerap dan berjadual.
- (q) Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan semua pekerja yang ditugaskan untuk membersihkan tandas, memakai topeng muka semasa menjalankan proses pembersihan tandas dan proses pembasmian/nyah kuman. Proses tersebut hendaklah dilakukan secara teliti dan menyeluruh.

### **5.3.3. Masa Rehat**

- (a) Kontraktor/syarikat hendaklah menyusun waktu rehat dengan pembahagian waktu rehat dalam kumpulan kecil agar ianya tidak menyebabkan kesesakan di kantin.
- (b) Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan penjarakan sosial dipatuhi oleh semua pekerja dan mana-mana pihak yang berurusan di semua kawasan mesyuarat, rehat, kafeteria/kantin dan ruang solat.
- (c) Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan kafeteria/kantin di dalam tapak yang dibenarkan beroperasi hanya menyediakan makanan berbungkus dan disediakan oleh pengendali makanan yang memakai topeng muka serta sarung tangan.
- (d) Kontraktor/syarikat hendaklah kerap mengingatkan pekerja dan mana-mana pihak yang berurusan untuk tidak berkumpul dan mematuhi penjarakan sosial.

#### **5.3.4. Balik Kerja**

- (a) Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan semua pergerakan balik pekerja ke tempat kediaman, CLQ atau lain-lain adalah dengan menggunakan kenderaan yang disediakan. Bagi pekerja yang tinggal berdekatan dan tidak menggunakan kenderaan, Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan semua pekerja memakai topeng muka dan berjalan dalam jarak sosial seperti yang disarankan oleh KKM iaitu 1.0 meter.
- (b) Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan semua pekerja untuk terus mandi dengan menggunakan air bersih dan sabun serta membasuh pakaian yang telah digunakan sebaik tiba di tempat kediaman.
- (c) Kontraktor/syarikat hendaklah memaklumkan dengan kadar segera kepada Ketua Pasukan petugas khas jika

terdapat sebarang masalah kesihatan dikalangan pekerja setelah pulang bekerja.

#### **5.4. Langkah 4 – REKOD**

**5.4.1.** Kontraktor/syarikat hendaklah mengurus, menyelia dan menyimpan rekod-rekod pekerja berhubung dengan -

- (a) kehadiran pekerja;
- (b) saringan kesihatan;
- (c) pergerakan pekerja; dan
- (d) butiran peribadi pekerja.

**5.4.2.** Kontraktor/syarikat hendaklah menyediakan rekod pengurusan kebersihan tapak berhubung dengan -

- (a) proses pembasmian/nyah kuman di mana-mana kawasan yang dijangkiti wabak Covid-19, kafeteria/kantin dan tandas; dan
- (b) pembersihan lain-lain kawasan tapak bina.

**5.4.3.** Kontraktor/syarikat hendaklah menyediakan rekod pengurusan tapak berhubung dengan -

- (a) pengurusan risiko;
- (b) pergerakan keluar masuk tapak oleh pembekal barangan dan perkhidmatan dan mana-mana pihak yang mengurus; dan
- (c) pemeriksaan oleh Pihak Berkuasa.

**5.4.4.** Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan semua rekod diurus dan diselia dengan baik serta hendaklah dikemukakan kepada mana-mana pegawai berkuasa dan pihak berwajib untuk diperiksa pada bila-bila masa.

## **6. KETIDAKPATUHAN**

Mana-mana kontraktor/syarikat yang tidak mematuhi Garis Panduan ini boleh diambil tindakan selaras dengan Akta 342 atau mana-mana peraturan yang diperbuat dibawahnya atau di bawah Akta 520 atau kedua-duanya sekali. Kerja pembinaan boleh dihentikan serta-merta dan kebenaran untuk beroperasi yang diberikan boleh dibatalkan/ditarik semula, selain meminda syarat-syarat di atas tanpa sebarang notis dan tertakluk kepada situasi dari semasa ke semasa.

## **7. PINDAAN**

Garis Panduan ini boleh dipinda dan ditambah baik oleh CIDB dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

## LAMPIRAN 2

### **GARIS PANDUAN OPERASI *CENTRALISED LABOUR QUARTERS (CLQ)* DAN PENGINAPAN PEKERJA BINAAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) FASA KE-4**

---

#### **1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada Kontraktor/syarikat yang menempatkan pekerja-pekerja mereka di *Centralised Labour Quarters (CLQ)* atau Kawasan Penginapan Pekerja samada di luar tapak bina atau di dalam kawasan tapak bina. Ia meliputi premis CLQ yang diuruskan oleh pihak Kontraktor/syarikat sendiri atau mana-mana pihak luar.
- 1.2 Garis panduan ini memberi aturan-aturan yang perlu dipatuhi oleh Kontraktor/syarikat untuk meneruskan kerja/aktiviti pembinaan semasa PKP berkuat kuasa untuk menangani wabak Covid-19.
- 1.3 Mana-mana ketidakpatuhan terhadap garis panduan ini, boleh menyebabkan kerja pembinaan boleh diberhentikan serta merta dan apa-apa tindakan sewajarnya termasuk pembatalan pendaftaran lesen/ permit kontraktor/ syarikat boleh diambil terhadap kontraktor sekiranya kontraktor/ syarikat gagal mematuhi Garis Panduan yang ditetapkan.

#### **2. PEMATUHAN OLEH KONTRAKTOR/SYARIKAT BERHUBUNG PEKERJA BINAAN**

- 2.1. Kontraktor/syarikat hendaklah menyediakan pengangkutan ulang alik yang sesuai dan mematuhi semua garis panduan yang dikeluarkan oleh KKM dan agensi yang berkaitan berhubung dengan keperluan untuk pengangkutan ulang alik ini.

- 2.2. Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan semua pekerja yang tinggal di luar tapak bina, membuat saringan dan pemeriksaan suhu badan oleh Pegawai Keselamatan & Kesihatan (SHO) kontraktor apabila kembali bekerja pada hari keesokannya. Mana-mana pekerja yang mempunyai suhu badan  $\geq 37.5$  °C atau menunjukkan simptom Covid-19 seperti batuk, demam, sakit tekak, susah bernafas, tidak dibenarkan masuk ke tapak bina dan Kontraktor/syarikat perlu mengatur supaya pekerja ini diperiksa di Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan terdekat dengan segera.
- 2.3. Kontraktor/syarikat hendaklah menyediakan *hand sanitizer* dan topeng muka di semua pintu masuk di tapak bina. Semua pekerja dan mana-mana pihak yang berurusan yang hendak memasuki tapak bina diwajibkan untuk menggunakan *hand sanitizer* dan topeng muka. Topeng muka hendaklah sentiasa dipakai oleh pekerja dan mana-mana pihak yang berurusan selama berada di tapak bina.
- 2.4. Kontraktor/syarikat hendaklah juga mengasingkan dengan kadar segera mana-mana pekerja yang menunjukkan simptom Covid-19 seperti batuk, demam, sakit tekak dan susah bernafas, semasa berada di tapak bina sebelum dihantar ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan terdekat.

### **3. GARIS PANDUAN BAGI OPERASI CLQ SEMASA PKP**

- 3.1 Kontraktor/syarikat hendaklah sentiasa memantau semua pekerja yang disediakan tempat penginapan di CLQ sepanjang tempoh PKP.
- 3.2 Sekiranya ada pekerja yang menginap di CLQ mempunyai suhu badan  $\geq 37.5$  °C atau menunjukkan simptom Covid-19 seperti batuk, demam, sakit tekak, susah bernafas, prosedur berikut hendaklah dipatuhi -

#### **3.2.1 Prosedur Pelaporan**

- (a) Mana-mana pekerja yang disyaki dijangkiti Covid-19 hendaklah dilaporkan kepada Warden CLQ;
- (b) Warden CLQ hendaklah merujuk kes yang dilaporkan kepadanya terus kepada pihak pengurusan CLQ dengan kadar segera; dan
- (c) Pengurusan CLQ hendaklah dengan segera melaporkan dan membuat tindakan untuk menghantar mana-mana pekerja yang disyaki dijangkiti Covid-19 ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan terdekat.

### **3.2.2 Prosedur Pengasingan**

- (a) Mana-mana pekerja yang mempunyai suhu badan  $\geq 37.5$  °C atau menunjukkan simptom Covid-19 seperti batuk, demam, sakit tekak dan susah bernafas, hendaklah diasingkan terlebih dahulu di suatu tempat khas di CLQ berkenaan.
- (b) Mana-mana pekerja yang dinyatakan dalam perenggan (i) di atas hendaklah dipantau dengan teliti mengikut nasihat, prosedur dan arahan yang dikeluarkan oleh KKM dan sentiasa merujuk kepada KKM sekiranya keadaan pekerja tersebut menunjukkan tanda-tanda yang lebih teruk dari sebelumnya.
- (c) Mana-mana pekerja yang dinyatakan dalam perenggan (ii) di atas yang disahkan pulih oleh KKM hendaklah dipindahkan keluar dari tempat pengasingan tersebut.

### **3.2.3 Prosedur Penjejakan Kontak** (bagi mereka yang mempunyai hubungan dengan mana-mana pesakit Covid-19)

- (a) Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan setiap pekerjanya mempunyai aplikasi *contact tracing* (MySejahtera App);

- (b) Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan setiap pekerjaanya memuat turun aplikasi MySejahtera.
- (c) Kontraktor/ Syarikat hendaklah memastikan semua pengurusan CLQ untuk mengesan dan mengenal pasti mana-mana pekerja yang telah berhubung secara langsung atau tidak dengan mana-mana pesakit Covid-19.
- (d) Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan semua pengurusan CLQ menyimpan dan menyelia semua rekod dan butiran peribadi pekerja seperti nombor pasport, kad pengenalan atau lain-lain dokumen pengenalan diri disenggara dengan baik.
- (e) Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan semua pengurusan CLQ untuk mengambil suhu badan pekerja tiga (3) kali sehari bagi tujuan pemantauan.
- (f) Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan semua pengurusan CLQ untuk mengambil tindakan segera melapor kepada KKM, jika sekiranya terdapat mana-mana pekerja yang mempunyai suhu badan  $\geq 37.5$  °C atau menunjukkan simptom Covid-19 seperti batuk, demam, sakit tekak dan susah bernafas.

#### **3.2.4 Kerja Pembasmian Kuman**

- (a) Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan semua pengurusan CLQ untuk mengambil tindakan membasmi kuman semua premis CLQ yang mempunyai pesakit Covid-19.
- (b) Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan semua pengurusan CLQ untuk menyimpan dan menyelia semua rekod berhubung dengan pekerja untuk diperiksa oleh mana-mana pegawai berkuasa dan pihak berwajib pada bila-bila masa.

#### **3.2.5 Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan**

Kontraktor/syarikat hendaklah memastikan semua pengurusan CLQ mematuhi perkara berikut -

- (a) Pekerja yang tinggal di CLQ tidak dibenarkan keluar daripada CLQ berkenaan tanpa kelulusan daripada Warden.
- (b) Semua pergerakan keluar masuk pekerja di CLQ semasa PKP hendaklah direkodkan dan dipantau dengan teliti oleh Warden.
- (c) Pelawat tidak dibenarkan masuk ke kawasan CLQ, kecuali kakitangan perubatan dan penyedia perkhidmatan lain yang diluluskan oleh Pengurusan CLQ.
- (d) Pengurusan CLQ hendaklah memantau kesihatan pekerja dengan kerap dan sentiasa berwaspada kepada mana-mana pekerja yang menunjukkan mana-mana satu simptom Covid-19.
- (e) Pengurusan CLQ hendaklah memastikan setiap pekerja mengamalkan penjarakan sosial yang disarankan oleh KKM dan memastikan tiada apa-apa perhimpunan sama ada sosial atau keagamaan dibenarkan dalam CLQ.
- (f) Pengurusan CLQ hendaklah sentiasa mengadakan apa-apa program untuk mempromosi kaedah kebersihan diri pekerja bagi mengekang penularan Covid-19.
- (g) Pengurusan CLQ hendaklah sentiasa memantau pergerakan mana-mana pekerja yang telah berhubung secara langsung atau tidak dengan mana-mana pesakit Covid-19.
- (h) Pengurusan CLQ hendaklah sentiasa memantau mana-mana pekerja yang di kuarantin dan memastikan mereka tidak meninggalkan tempat/kawasan kuarantin.
- (i) Pengurusan CLQ hendaklah berhubung terus dengan KKM mengenai apa kes kecemasan yang berkaitan dengan Covid-19.

### 3.2.6 Kerja *Sanitization* dan Pembersihan di CLQ

Pengurusan CLQ hendaklah memastikan semua kawasan CLQ dan semua kemudahan di dalamnya dibersihkan sekurang-kurangnya tiga (3) kali sehari dengan menggunakan Alkohol Ethyl yang mempunyai kandungan alkohol 70%. Antaranya adalah -

- (a) Semua tombol pintu, susur tangga (*railing*), meja, dan kerusi dan lain-lain kawasan sentuhan umum;
- (b) Menyediakan *hand-sanitizer* di Pos Pengawal, kiosk, kafeteria/kantin, pejabat pengurusan, tandas dan lain-lain kawasan yang menjadi tumpuan pekerja;
- (c) Menyediakan bahan pembasmi kuman seperti Dettol untuk kerja- kerja pembersihan lantai, bilik mandi, tandas, kafeteria/kantin, kiosk, dapur dan kawasan yang menjadi tumpuan pekerja;
- (d) Memastikan semua pekerja diajar untuk membersihkan kasut, mencuci tangan dan kaki sebelum memasuki kawasan CLQ; dan
- (e) Memastikan pelupusan topeng muka dan sarung tangan terpakai serta pelupusan sampah sarap di dalam CLQ dilaksanakan mengikut SOP yang disarankan oleh KKM.

### 3.2.7 Kawasan Kuarantin

- (a) Stesen Kuarantin Kerajaan

Pengurusan CLQ hendaklah mendapatkan nasihat daripada KKM atau Klinik Kesihatan dalam usahanya untuk melaksanakan kuarantin ke atas pekerja.

- (b) Kawasan Pengasingan atau Kuarantin

Pengurusan CLQ hendaklah mengenal pasti kawasan pengasingan atau kuarantin yang sesuai di dalam kompleks CLQ. Pengasingan sementara atau kuarantin ini adalah bertujuan untuk mengasingkan pekerja yang mempunyai simptom Covid-19. Pengurusan CLQ hendaklah menyediakan -

- (i) Kemudahan asas seperti tempat tidur dan tandas;
- (ii) Peralatan kebersihan diri untuk pekerja seperti bekalan air bersih, sabun, *hand sanitizer*, penutup hidung, topeng muka, apron plastik berlengan panjang dan sarung tangan yang bersesuaian secukupnya mengikut keperluan;
- (iii) Bekalan makanan dan minuman dimasak dan siap dibungkus;
- (iv) Borang Pemantauan Harian untuk diisi oleh Pengurusan CLQ bagi tujuan pemantauan ke atas mana-mana pekerja yang di kuarantin atau yang telah berhubung secara langsung atau tidak dengan mana-mana pesakit Covid-19.
- (v) Peralatan perlindungan diri yang bersesuaian seperti penutup hidung, topeng muka, apron plastik berlengan panjang dan sarung tangan yang bersesuaian secukupnya mengikut keperluan kepada mana-mana pihak yang diberi tanggungjawab untuk memantau pekerja yang di kuarantin atau yang telah berhubung secara langsung atau tidak dengan mana-mana pesakit Covid-19.

#### **4. KETIDAKPATUHAN**

Mana-mana kontraktor/syarikat yang tidak mematuhi Garis Panduan ini boleh diambil tindakan selaras dengan Akta 342 atau mana-mana peraturan yang diperbuat di bawahnya atau di bawah Akta 520 atau kedua-duanya sekali. Kerja pembinaan boleh dihentikan serta-merta dan kebenaran untuk beroperasi yang diberikan boleh dibatalkan/ditarik semula, selain meminda syarat-syarat di atas tanpa sebarang notis dan tertakluk kepada situasi dari semasa ke semasa.

#### **5. PINDAAN**

Garis Panduan ini boleh dipinda dan ditambah baik oleh CIDB dari semasa ke semasa mengikut keperluan.